

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV

Bil. 21

Hari Selasa

11 Ogos 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998

(Ruangan)

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

" Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara : Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat

Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Nora'ini binti Hetam
Miskiah binti Hassan

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin
bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 11 Ogos 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**KEBAKARAN SEKOLAH AGAMA DI KEDAH – LANGKAH
MENCEGAH**

1. Dato' P. Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan beberapa tahun yang lalu sebuah Sekolah Agama Islam di Kedah telah mengalami kebakaran semasa pelajar-pelajar sedang tidur dan beberapa orang pelajar telah meninggal dunia dan pada tahun 1998 di Kedah, sebuah lagi Sekolah Agama Islam telah terbakar dan beberapa orang pelajar telah meninggal dunia, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan agar kejadian sebegini tidak berulang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara langkah-langkah untuk memastikan agar kejadian kebakaran sekolah-sekolah agama tidak berulang lagi termasuklah:

- (i) menyediakan garis panduan agar bangunan sekolah dan asrama yang dibina mestilah mengikut spesifikasi keselamatan yang ditetapkan oleh pihak bomba;
- (ii) mengingatkan pihak sekolah agar melarang pelajar menggunakan lilin di asrama;
- (iii) makanan di asrama perlu disediakan oleh pihak sekolah dan bukannya pelajar memasak sendiri; dan

- (iv) bantuan kewangan dari semasa ke semasa untuk pembaikan kecil seperti pendawaian dan sebagainya adalah diberi oleh kerajaan.

Puan Mastika Junidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin bertanya pihak kementerian adakah semua sekolah agama yang ada dalam negara kita ini mendapat kelulusan daripada kementerian untuk menjalankan kegiatan mereka dalam usaha-usaha mereka mendidik pelajar-pelajar dan juga mengambil pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang berkenaan kerana saya mendapat maklumat bahawa ada sekolah agama di negeri Perlis beroperasi dengan tidak mendapat kebenaran kementerian. Jika perkara ini benar, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh kementerian tambahan pula sekolah-sekolah agama ini menggunakan pelajar-pelajar mereka untuk turut sama dalam kempen pilihan raya. Apakah kementerian mempunyai cukup peraturan dan undang-undang untuk mengambil tindakan kepada pelajar dan juga kepada pihak-pihak penganjur yang menganjurkan sekolah ini?.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini lari sedikit daripada soalan asal tetapi saya suka jelaskan bahawa pertama sekali sekolah-sekolah menengah agama dan sekolah-sekolah agama rakyat yang ada di negeri-negeri ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Walaupun begitu, kita sentiasa berhubung rapat dengan Jabatan-jabatan Agama Islam di tiap-tiap negeri untuk megawasi dan membantu setakat termampu oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Agama Islam dan Pembangunan Moral tentang perkara-perkara yang mereka perlukan. Mengenai kelulusan itu, setiap sekolah agama rakyat dan juga sekolah menengah agama yang ada di negeri-negeri kelulusan itu diberi oleh Jabatan Agama Islam di tiap-tiap negeri ataupun Majlis-majlis Hal Ehwal Islam di tiap-tiap negeri dan saya sedar tentang sekolah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dan kita telah pun cuba mengurus dan saya berharap pihak Jabatan

Agama Islam negeri yang berkenaan akan meneliti perkara ini. Kita di pihak kementerian dari segi undang-undangnya itu terbatas tangan kita untuk campur tangan kerana ia melibatkan Perlembagaan negara kita di mana soal-soal agama dan keagamaan itu adalah terletak di bawah pihak berkuasa negeri. Jadi, kita haraplah perkara-perkara begini dapat diselesaikan dengan baik.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di negara ini terdapat sekolah-sekolah lama yang telah lama dibina tiga puluh atau empat puluh tahun yang lalu, pada masa sekarang sekolah-sekolah ini tidak mempunyai keselamatan, umpamanya wayar elektrik dan kemudahan infrastruktur umpamanya jalan, telefon dan lain-lain. Perkara ini berlaku di dalam kawasan pedalaman. Apakah tindakan yang diambil untuk membaik pulih keadaan ini oleh Kementerian Pendidikan?.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tentang kekurangan yang menyelubungi sekolah-sekolah agama terutama sekali yang terdapat di kawasan-kawasan pedalaman seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Setiap tahun kita ada menyalurkan bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah tersebut untuk membaiki, dengan izin, maintain apa juga kekurangan seperti pendawaian elektrik terutama sekali menokok tambah bilik darjah dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Selain daripada itu kita juga ada beri bantuan-bantuan capital grants kepada sekolah-sekolah yang berkaitan, cuma dari segi pengawasan di bawah itu, kita di Kementerian Pendidikan berpendapat banyak bergantung kepada peranan dan tanggungjawab yang mesti dimainkan oleh pihak sekolah dan juga pihak Jabatan Agama Islam di negeri-negeri.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, kebakaran ini merupakan bukan di satu tempat sahaja malah satu ketika dahulu di Sarawak iaitu di Sekolah Kebangsaan Saratok juga berlaku kebakaran seumpama ini dan ramai anak-anak kita yang telah meninggal dunia akibat kebakaran ini. Apakah kerajaan atau Kementerian Pendidikan berhasrat mewajibkan skim insuran atau group insurance ke atas sekolah-sekolah, tidak kira

sama ada sekolah-sekolah agama atau apa juga jenis sekolah, dan apakah mereka yang meninggal akibat kebakaran ini telah dibayar sebarang insurans atau pampasan?.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengurusan ilmu dan keilmuan di negara kita ini, kita cuba mengelakkan diri daripada melaksanakan unsur-unsur paksaan. Apa yang kita buat ialah kita memberikan bimbingan, didikan, penerangan, penjelasan supaya semua yang terlibat faham akan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Memang benar, kita wujudkan kemudahan insuran ini untuk kebaikan dan kebajikan anak-anak kita, tetapi kita tidak buat, tidak lakukan secara paksaan. Kita berpendapat melalui penerapan unsur-unsur dan nilai-nilai yang baik akhirnya kefahaman itu dapat diterima, dilaksana serta diamalkan oleh semua lapisan yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2

PENSWASTAAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) - KAJIAN SEMULA

2. **Puan Tan Ah Eng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah Kementerian bercadang mengkaji semula penswastaaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ekoran daripada rayuan dan bantahan Lembaga Pengarah Finas dan Gafim (Gabungan Karyawan Filem Malaysia) yang mendakwa ia hanya menguntungkan segelintir pihak sahaja.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan agar Perbadanan Kemajuan Filem Nasional atau FINAS dan Jabatan Filem Malaysia diswastakan pada sebuah konsortium pada 1 Mac 1998. Melalui penswastaaan ini, kerajaan berharap industri perfileman negara dapat dibimbing dan berkembang hingga mencapai ke tahap universal. Sebuah entiti kawal selia akan dibentuk dan akan diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab ini. Oleh itu kebimbangan dan kekhuatiran masa

depan industri perfileman yang disuarakan itu tidak berasas. Kementerian ini akan memastikan kepentingan pihak-pihak yang berkaitan terpelihara dengan terlaksananya penswastaaan ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fahamkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan mempunyai 30% saham dalam FINAS ini, berapakah keuntungan setakat ini, adakah dia memberi faedah kepada pemegang saham 30% ini.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan FINAS dan Filem Negara diberikan kepada konsortium yang terdiri dari 51% HVD, 49% Krismotion. Di dalam HVD sebenarnya bukan FINAS di dalam HVD, kerajaan mempunyai 30% di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu MOF. Kerajaan sendiri telah, dalam perkongsian 30%, kerajaan telah pun invest RM20 juta dan pada hari ini pulangan RM20 juta telah pun kita dapat, malah kerajaan sendiri telah mencapai keuntungan hampir RM100 juta, tidak termasuk RM20 juta capital yang diinject oleh kerajaan.

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN KONGSI GELAP - JUMLAH

3. **Puan Tan Ah Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang masalah disiplin yang berlaku di sekolah-sekolah terutama perbuatan menghisap rokok, ponteng sekolah dan "gangsterism":

- (a) sila nyatakan bilangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan kongsi gelap di sekolah, khasnya bagi pelajar-pelajar kaum Cina sejak tahun 1995 hingga sekarang; dan
- (b) bilangan yang telah dikenal pasti dan pecahannya mengikut jantina/wilayah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan kongsi gelap dari tahun 1995 hingga 1998 di seluruh negara ialah seramai

293 orang. Dari jumlah tersebut, 289 orang merupakan pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan.

Puan Jamilah binti Ibrahim : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian pernah berusaha mengarahkan pihak sekolah untuk membuat perjumpaan dengan pihak ibu bapa yang anak-anak mereka mempunyai masalah tersebut. Sekiranya ada, bagaimana penerimaan ataupun respon ibu bapa mengenai perkara ini? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada perkembangan ini maka baru-baru ini, yang tepatnya pada 6 Ogos 1998, Ketua Pengarah Pendidikan telah pun mengedarkan satu surat pekeliling kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri untuk memaklumkan kepada semua Guru Besar di seluruh negara, dan dalam pekeliling yang terbaru ini, kita berikan dua garis panduan kasar:

- (i) untuk memulihkan murid-murid yang terlibat: dan
- (ii) untuk mengadakan cara-cara untuk mencegah murid-murid dari terlibat dalam perbuatan ini.

Dari segi pemulihan, kita gariskan, ada enam perkara yang mesti diambil perhatian oleh Guru-guru Besar terutama sekali:

- (i) Guru Besar kena dapatkan latar belakang pelajar yang terlibat dan dikumpulkan dengan betul;
- (ii) bagi pelajar yang terlibat, hendaklah diketahui sejauh mana penglibatannya;
- (iii) ibu bapa atau penjaga pelajar yang terlibat hendaklah dimaklumkan untuk mendapat kerjasama dalam menangani masalah ini;
- (iv) pelajar yang terlibat hendaklah dirujuk kepada kaunselor sepenuh masa untuk proses kaunseling;
- (v) jika diketahui bahawa keterlibatan pelajar adalah disebabkan oleh masalah keretakan rumah tangga, maka kedua ibu bapanya perlu dirujuk dan dirundingkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

- (vi) program-program khas seperti ceramah, pameran, kursus motivasi dan kepimpinan diadakan dari semasa ke semasa khusus untuk pelajar yang terlibat.

Itu usaha-usaha dari segi pemulihan.

Dari segi usaha-usaha pencegahan, ada lima garis panduan yang kita beri:

- (i) mengingatkan pelajar dalam perhimpunan sekolah mengenai keburukan kegiatan gangster dan kesan melibatkan diri dalam kegiatan tersebut;
- (ii) menegaskan kepentingan dan keperluan menjalani cara hidup yang positif melalui mata pelajaran Moral dan Agama;
- (iii) menerapkan nilai-nilai murni semasa menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah;
- (iv) mengadakan ceramah-ceramah khas mengenai keburukan kegiatan gangster dengan melibatkan pihak polis dan penjara; dan
- (v) menganjurkan kempen basmi kegiatan gangster di sekolah

Dari segi pengalaman kita di masa-masa lampau, ada di antara tindakan-tindakan yang telah dibuat itu memberi kesan dan ada kelemahan-kelemahan yang kita dapati, maka dengan sebab itu kita harap dengan pendedaran pekeliling yang terbaru ini, insya-Allah ianya akan dapat sedikit sebanyak mengurangkan dan akhir sekali, kalau boleh, menghapuskan masalah ini yang wujud di sekolah-sekolah.

Tuan M. G. Pandithan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di banyak sekolah menengah, disiplin begitu merosot dan banyak gejala sosial berlaku di sekolah-sekolah menengah, apakah cadangan ataupun idea untuk meletak pegawai polis di sekolah yang mana boleh dianggap disiplin merosot untuk menangani masalah sosial ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat beginilah, ini soal anak ini bukan soal guru semata-mata. Ianya melibatkan segenap lapisan masyarakat dan kita kena ingat sebahagian besar masa anak kita

adalah di luar sekolah. Dan soalan yang paling penting kita tanya diri kita ialah apa yang dibuat oleh anak-anak kita waktu di luar sekolah. Waktu dalam sekolah cikgu boleh jaga, itu pun kadangkala cikgu jaga, cikgu usik anak sikit pun penjaga marah, that is the problem.

Dan saya suka nyatakan bahawa dari segi soal hendak mengawal disiplin dan mengatasi masalah-masalah sosial, penyakit masyarakat yang melanda murid-murid dan pelajar-pelajar kita sekarang kita juga kena ingat. Anak-anak kita ini sentiasa terdedah kepada pelbagai rupa bentuk perkembangan terutama sekali dalam zaman sains dan teknologi sekarang. Jadi kita di Kementerian Pendidikan berpendapat masalah ini, perkara ini kalau kita letak polis di sekolah pun tidak boleh selesai. Yang boleh menyelesaikan masalah ini adalah kita semua. Murid, guru, ibu bapa segenap lapisan masyarakat. Kita dari segi kementerian ada, pekeliling pun banyak kita keluarkan kepada Pengarah-pengarah untuk disampaikan kepada Guru-guru Besar. Tetapi kita dapatkan saksi sendiri tentang kesan-kesannya dan pada saya kalau masalah sosial di kalangan murid-murid ini bertambah banyak, salahnya kita. Kita jangan salahkan cikgu, kita salah diri kita dulu dan kita cari jalan sama-sama untuk menyelesaikan.

KEJATUHAN SAHAM DI BSKL - JUMLAH KERUGIAN ATAS KERTAS (PAPER LOSS)

4. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah nilai susutan saham (paper loss) yang ditanggung oleh pelabur-pelabur akibat merudumnya saham di BSKL akibat spekulasi kewangan dan apakah kesan kejatuhan saham kepada pegangan ekuiti bumiputera berbanding dengan masa sebelumnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai kerugian atas kertas ataupun paper loss yang ditanggung oleh pelabur-pelabur akibat kejatuhan harga saham di BSKL. Adalah sukar dan mustahil untuk menentukan kerugian yang dialami oleh para pelabur sama ada kerugian yang

sebenar (realise loses) atau kerugian di atas kertas atas (paper loses). Memandangkan bilangan pelabur yang begitu ramai.

Walau bagaimanapun, kesan kejatuhan pasaran saham dapat diukur dari sudut nilai pasaran modal telah susut sebanyak 487.4 bilion sejak 1.7.97. sehingga 31.7.98. Kedudukan modal pasaran BSKL pada 31.7.98 ialah sebanyak 296.4 bilion. Dalam keadaan sekarang, yang jelasnya kejatuhan dan tekanan yang berterusan ke atas pasaran saham memberikan masalah kepada semua pemegang saham sama ada bumiputera atau bukan bumiputera. Terutamanya bila harga saham di bawah nilai tara atau par value.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak pengumuman kerajaan untuk meliberalisasikan pemilikan ekuiti syarikat tempatan supaya pihak asing dan bukan bumiputera membeli saham bumiputera untuk mengelakkan kebangkrapan, berapakah syarikat yang terlibat mengikut sektor dan had maksimum penyertaan asing dalam syarikat tempatan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Januari - Jun 1998 sebanyak 16 cadangan perolehan syer yang melibatkan 22 syarikat yang dikuasai oleh bumiputera telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan dari jumlah itu 10 cadangan adalah perolehan syer syarikat milik bumiputera oleh bukan bumiputera dan 6 lagi oleh kepentingan asing. Di antara syarikat yang terlibat ialah cadangan 'Captunder SB' memperolehi syer 'Glamorous Trendy Sendirian Berhad', 'N. Co. State Berhad, membeli Bukit Limau Development Sendirian Berhad. Enam individu British membeli 'Cambrian Consultant Sendirian Berhad'.

Mengenai syer-syer maksimum penyertaan asing dalam syarikat tempatan seperti yang telah dinyatakan dahulu pertamanya telekomunikasi dinaikkan daripada 49% kepada 61% tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Keduanya industri pembrokeran 49%, pengurusan dana 100%, perhotelan 51%

inipun selepas beroperasi selama 5 tahun, kelima syarikat perkilangan dan syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) 100% dan insuran sekarang ini 51%.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Berapakah syarikat yang disenaraikan di dalam BSKL yang memohon perlindungan di bawah seksyen 176, Akta Syarikat 1965 dan apakah tindakan kerajaan untuk melindungi pemegang minoriti shareholder dari segi kerugian. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kegawatan ekonomi sekarang ini, setakat bulan Julai 1998 sebanyak 22 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mendapat restraining order di bawah seksyen 176, Akta Syarikat 1965 dan dari jumlah tersebut, 13 daripadanya adalah syarikat yang tersenarai di Papan Utama dan bakinya iaitu 9 syarikat di Papan Kedua. Dan pada masa sekarang ini perlindungan yang dimaksudkan dalam 176, ini adalah bergantung kepada keputusan pihak mahkamah untuk menentukannya. Seperti yang tuan-tuan Yang Berhormat sedia maklum pada hari Jumaat yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah pun menerangkan mengenai penyusunan semula pinjaman korporat ataupun Corporate Debt Restructuring Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL sedang meneliti semua pengumuman yang dibuat oleh syarikat-syarikat berkenaan dan perjumpaan dengan syarikat-syarikat terbabit kerap kali diadakan jika perlu bagi memastikan kepentingan pemegang saham minority telah diambil kira dalam cadangan penyusunan semula masing-masing.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyakkah penyertaan pelaburan asing di BSKL di dalam masa kegawatan ekonomi kita hari ini. Apakah tindakan kerajaan untuk mempertingkatkan kepercayaan pelaburan asing dalam pasaran kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi dalam kegawatan ekonomi sekarang ini, penyertaan pelaburan asing ini dalam pasaran lebih kurang cuma 14% hingga 36% sahaja. Dan usaha-usaha sedang dijalankan secara berterusan, yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kepercayaan pelaburan khususnya pelabur asing terhadap pasaran kita, di antaranya ialah memastikan tahap ketelusan yang tinggi di kalangan syarikat tersenarai dan dari segi penyebaran maklumat yang mencukupi dan tepat dan juga supaya pengarah-pengarah syarikat tersenarai dikehendaki memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab dari segi 'pengabinan' korporat ataupun corporate governance.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana dapat juga melihat ke sebelah kiri bukan sahaja sebelah kanan Dewan. Saya ingin mengemukakan soalan kepada Kementerian Kewangan agar menyatakan bilangan individu yang mendapat pinjaman bank untuk pembiayaan pembelian saham Amanah Saham Bumiputera dan nilai pinjaman tersebut dan apakah langkah-langkah dan rancangan kerajaan bagi menjaga kepentingan bumiputera ataupun bukan bumiputera yang mendapat tekanan daripada pihak bank sekarang.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bilangan individu tidak dapat saya nyatakan di sini tetapi daripada rekod yang saya ada pada 30. 6.98 saham-saham amanah yang diuruskan oleh ASN Berhad dan dibiayai menerusi pinjaman bank ialah sebanyak 3,473 juta dan yang dicagarkan ke bank sebanyak 6,448 juta masing-masing iaitu 12% dan 23% dari jumlah saiz tabungan. Kerajaan juga tidak mempunyai statistik mengenai bilangan individu yang telah menjual pegangan mereka kerana terpaksa menanggung kadar faedah yang tinggi. Walau bagaimanapun bank-bank telah bersetuju untuk mengurangkan beban para pelabur dan supaya peminjam dapat memanjangkan lagi tempoh pinjaman itu ataupun apa yang dikatakan reschedule planning yang dimeterai di antara pihak bank dan pihak pelabur.

**KEMASUKAN PELABUR-PELABUR ASING - PROMOSI
DAN GALAKAN**

5. **Tuan Tee Thiong Hock** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) promosi-promosi dan jenis aktiviti untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing ke negara kita; dan
- (b) angka-angka bulanan jumlah pelabur mengikut negara dan jumlah pelabur dari negeri asing bagi tempoh Januari 1994 ke Jun 1998.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di negara ini. Langkah-langkah yang telah diambil termasuk:
 - (i) mengadakan misi penggalakan pelaburan dan perdagangan ke negara-negara, mengeksport modal utama khususnya Amerika Syarikat, Taiwan, Jepun, Switzerland, Perancis dan Jerman;
 - (ii) mengadakan dialog dengan pertubuhan-pertubuhan perdagangan dan industri bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi serta langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya;
 - (iii) penyebaran maklumat bertujuan memberi gambaran sebenar keadaan ekonomi dan iklim pelaburan negara serta langkah-langkah yang diambil untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi dan sistem kewangan negara kepada pihak-pihak di luar negara.
- (b) Perangkaan bagi jumlah pelaburan asing mengikut negara dan bulan bagi tempoh Januari 1994 hingga Jun 1998 adalah terlalu banyak, setebal ini Tuan Yang di-Pertua [*Sambil menunjukkan kertas perangkaan*], jadi saya terpaksa beri selepas inilah. Walau

bagaimanapun jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MITI mengikut tahun dan negara-negara utama sumber pelaburan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelaburan RM (bilion)	Negara Sumber Utama
1994	11.34	Taiwan, Jepun dan Amerika Syarikat
1995	9.14	Jepun, Amerika Syarikat dan Taiwan
1996	17.06	Singapura, Jepun dan Amerika Syarikat
1997	11.47	Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman
Jan - Jun 1998	5.64	Amerika Syarikat, Jepun dan Taiwan

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Saya ingin mendapat keterangan daripada pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam masa kegawatan ekonomi ini negara manakah daripada Eropah yang paling kehadapan datang ke negara ini untuk melabur, walaupun ada laporan-laporan negatif yang dijalankan oleh pihak media asing.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di Pertua, dari segi angka yang ada pada saya dari segi the top three investing nation tidak terdapat negara Eropah yang melabur dengan begitu banyak dalam tahun ini. Yang terdapat daripada barat hanya negara Amerika Syarikat, tetapi kalau kira daripada 10 buah negara, kita boleh dapat negara seperti Britain, Jerman dan sebagainya. Tetapi dari segi tiga tempat utama daripada nombor satu hingga nombor tiga kita tidak ada negara-negara Eropah yang melabur dengan begitu banyak dalam negara kita tahun ini.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Soalan tambahan saya ialah daripada kajian kementerian jika ada, apakah faktor-faktor yang merupakan penghalang bagi pelabur-pelabur asing datang ke negara ini.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan yang tiada kegawatan ekonomi kita mendapat pelaburan yang begitu memberangsangkan, malah negara Malaysia dan secara menyeluruh negara di rantau ASEAN mendapat pelaburan daripada negara-negara luar daripada Malaysia dan juga negara ASEAN. Tetapi dalam kegawatan ekonomi ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa keadaan keluh kesah yang disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wang, kejatuhan nilai bursa saham dan juga permintaan barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang merosot, oleh yang demikian maka pelaburan daripada negara-negara luar ini tidaklah sebegitu memberangsangkan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada angka tahunan yang telah diberitahu tadi iaitu tahun 1996, RM17 bilion lebih kurang, betulkah?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Betul.

Tuan Tee Thiong Hock: Tahun 1997 RM11 bilion, dan tahun ini sampai sekarang RM5 bilion, jadi ini ada satu trend bahawa pelabur-pelabur ataupun jumlah wang telah pun jatuh dengan begitu besar, RM17 bilion sampai RM11 bilion itu saya kira kalau tak salah "50% I think has fallen". Memandangkan juga kepada laporan-laporan yang ada di media asing, menyatakan Malaysia ini sebagai satu negara yang telah pun bankrap. Semua bohonglah. Jadi adakah kerajaan akan mendorong, ataupun menggalakkan, ataupun memotivasikan pelabur-pelabur dari negara asing yang sedia ada di negara kita, kerana mereka lebih faham keadaan yang sebenar mengenai negara kita. Apa rancangan, apa tindakan yang akan diambil untuk menggalakkan, memotivasikan pelabur-pelabur dari negara asing yang sedia ada di negara kita untuk perkembangan perniagaan mereka seperti Nasional, Matsushita dan lain-lain? Terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak pernah terbaca laporan berkenaan dengan negara kita menjadi sebuah negara yang bankrap. Ini kalau ada pun saya rasa seperti yang diperkatakan bahawa ini adalah fitnah, yang ditaburkan oleh media-media asing. Dari segi 1996 kita ada RM17.06 bilion dan dalam tahun 1997 kita ada RM11.47 bilion. Kita mesti ingat bahawa kegawatan ekonomi bermula di Thailand pada 2 Julai 1997. Dan apabila kegawatan ekonomi ini mencakupi rantau ini, maka kita dapati bahawa pelabur yang pada suatu ketika dahulu telah membuat rancangan untuk melabur di dalam rantau ini atau di negara Malaysia khususnya, ia tidak dilaksanakan oleh kerana hendak melihat keadaan yang pada masa itu, keadaan kegawatan ekonomi pada masa itu.

Jadi sebab itu kita dapati bahawa kurangnya jumlah pelaburan di dalam tahun 1997. Dari segi kita menggalakkan lebih banyak syarikat melabur dan juga mempertingkatkan jumlah pelaburan, Tuan Yang di-Pertua kita memang menggalakkan perkara ini dan pihak kementerian melalui menteri-menteri dan juga pegawai-pegawai kanan kementerian memang sentiasa pergi ke luar negara untuk mencari pelaburan yang baru dan untuk mempertingkatkan lagi syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini untuk mempertingkatkan jumlah pelaburan yang ada di dalam negara kita ini. Dan kalau Yang Berhormat tengok akhirnya beberapa buah syarikat telah pun meningkatkan pelaburan mereka di dalam negara kita ini, tetapi sepertimana yang saya katakan tadi di dalam keadaan kegawatan ekonomi ini pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat masih lagi berwaspada berkenaan dengan pelaburan yang mereka ada di dalam negara-negara di rantau ASEAN ini.

**MENEMPATKAN PEKERJA TEMPATAN DI TEMPAT
PEKERJA ASING - CADANGAN**

6. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa berapa pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan. Jika ramai pekerja tempatan diberhentikan, bolehkah Kementerian menghantar pulang tenaga buruh asing dan menempatkan pekerja-pekerja tempatan ke tempat tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh dari Januari sehingga 1 Ogos 1998 seramai 50,090 orang pekerja telah dilaporkan diberhentikan kerja diseluruh negara. Daripada jumlah itu seramai 45, 847 atau 88% ialah pekerja tempatan. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kita ke atas pekerja asing dalam semua sektor pekerjaan di negara kita ini dan menggantikannya dengan pekerja-pekerja tempatan.

Sehubungan dengan itu di antara syarat utama bagi mana-mana majikan yang hendak menggaji pekerja asing, ialah untuk menunjukkan bukti bahawa mereka telah berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan pekerja tempatan, tetapi masih lagi gagal. Walau apa pun negara masih mempunyai banyak peluang pekerjaan di dalam sektor-sektor pembuatan, perladangan, perkhidmatan dan juga pembantu rumah yang boleh diisi oleh pekerja-pekerja tempatan. Justeru itu hampir semua pekerja tempatan yang telah diberhentikan telah mendapat pekerjaan sebagai ganti dengan majikan yang baru.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja,

yang telah didaftarkan untuk diberikan latihan di bawah Skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu skim yang dinamakan Skim Latihan Pekerja Yang Telah Diberhentikan, telah dilaksanakan. Dana ini diambil daripada (MPSM) Majlis Pembangunan Sumber Manusia ataupun Human Resource Development Fund. Dan setakat 2 Mei 1998 hingga 11 Ogos 1998 jumlah peserta yang telah pun memasuki skim ini ialah seramai 85 orang sahaja, kerana yang lain telah pun mendapat pekerjaan, yang tinggal itu memasuki skim ini. Dan kalau mengikut dana yang kita beri, pada permulaannya kita bagi RM2.02 juta tetapi sekarang ini kita tambah lagi dana MPSM ini kepada RM5 juta dan yang banyak sekali masuk ialah Jurusan Diploma Computer Studies dan juga Certificate In Multitechnical Skill.

Tuan M. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan saya. Apakah tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk menetapkan garis dasar kepada yang pekerja-pekerja asing yang berada di negara ini untuk tempoh masanya telah ditetapkan di negara ini.

Dato Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh : Dasar telah pun dibuat oleh kerajaan dan tarikh berakhir ialah sehingga 15 Ogos, dan apa yang telah dilakukan nampaknya seperti Indonesia telah pun mempersetujui hasrat kita oleh kerana kegawatan ekonomi sekarang ini kita hendak memberi pekerjaan kepada orang tempatan dahulu daripada pekerja-pekerja asing. Oleh itu mana-mana pekerja asing yang telah tamat tempoh pekerjaannya akan dihantar pulang, dan ini bergantung sangat kepada kerajaan seperti kerajaan Indonesia yang telah

bekerjsama dengan kita dan kelmarin pun telah banyak pekerja asing dihantar melalui kerajaan mereka sendiri.

SUKAN KOMANWEL - PROMOSI PELANCONGAN KE SABAH DAN SARAWAK

7. Tuan Jangu Anak Banyang minta **Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan** menyatakan program-program pelancongan yang telah dibuat untuk menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk melawat Sabah dan Sarawak bersempena Sukan Komanwel Ke-16 di Kuala Lumpur setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di Pertua, promosi pelancongan yang dibuat adalah untuk menarik pelancong asing melawat negara Malaysia. Sabah dan Sarawak adalah di antara destinasi yang popular pada masa ini. Walaupun acara Sukan Komanwel ini akan berlangsung di Kuala Lumpur, pelancong-pelancong digalakkan melawat destinasi-destinasi lain di Malaysia sama ada sebelum atau selepas sukan ini berlangsung.

Dato'Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Dalam keadaan mata wang kita yang rendah ini yang boleh menarik pelancong-pelancong asing ke negara kita apakah di antara sebab-sebabnya bilangan pelancong asing yang melawat negara kita telah berkurangan atau merosot?

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Tuan Yang di Pertua, perangkaan yang baru dikeluarkan berkenaan dengan pelancong-pelancong ialah untuk tahun 1997. Kita tahu bahawa pada tahun itu banyak sebab mengapa kedatangan pelancong berkurangan, menurun. Salah satunya ialah keadaan jerebu yang berpanjangan. Keadaan wabak taun yang telah dilaporkan ke seluruh dunia juga menyebabkan banyak pakej telah dibatalkan dan mereka pergi melancong ke tempat lain. Walaupun kita menganggap bahawa dengan menurunnya nilai mata wang kita berbanding dengan mata wang yang besar di dunia ramai pelancong datang ke

sini, tetapi kita harus tahu satu faktor iaitu promosi-promosi yang dibuat di luar negara mengambil sekurang-kurangnya enam bulan baru berkesan. Negara-negara yang ramai pelancongnya datang umpamanya England, negeri-negeri Eropah, Australia dan sebagainya, mereka menjadualkan percutian mereka bermula dari awal tahun lagi sama ada mereka pergi di pertengahan tahun atau akhir tahun berkenaan. Oleh yang demikian, walaupun kita telah buat promosi yang berat di luar negara tetapi kita masih menunggu kesan-kesan promosi itu.

Suka juga saya menerangkan bahawa satu faktor lagi ialah bahawa seperti juga masyarakat yang kecil di satu-satu tempat, misalnya, di tempat tinggal kita, rakan yang selalu melawat kita ialah rakan sejiiran. Sama juga keadaannya dengan pelancongan. Jumlah yang besar sekali pelancong-pelancong yang datang ialah daripada negara-negara jiran. Mereka pun menghadapi masalah ekonomi yang sama juga dengan kita. Oleh yang demikian, jumlah pelancong daripada negara-negara tersebut memanglah berkurangan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin : Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Soalan tambahan, kita lihat kebelakangan ini ramai juga pelancong-pelancong dari Middle East, dengan izin, ataupun daripada negara-negara wilayah Arab yang datang melancong ke Malaysia dan mereka tinggal dalam jangka masa yang agak panjang, dua minggu dan ada yang sampai lebih dari tiga bulan. Saya ingin bertanya pihak kementerian, apakah usaha-usaha pihak kementerian untuk meningkatkan usaha promosi pelancongan negara kita ke negara-negara Middle East ini dan apakah usaha-usaha pihak kementerian untuk meningkatkan usaha untuk mengadakan facilities, dengan izin, mereka ini dengan pemandu-pemandu pelancong yang boleh berbahasa Arab kerana kebanyakannya mereka ini kurang mahir dalam bahasa Inggeris, kebanyakan pemandu-pemandu pelancong kita boleh berbahasa Melayu, Cina, dan juga Inggeris dan ini mungkin menimbulkan masalah bagi mereka dalam berkomunikasi dengan kita di Malaysia ini. Terima kasih.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Tuan Yang di Pertua, sememangnya kehadiran lebih ramai pelancong dari Timur Tengah itu ialah kerana beberapa tahun kebelakangan ini kita telah mempertingkatkan promosi kita di sana, umpamanya tahun ini sahaja kita telah mengambil bahagian dalam promosi di Dubai, di Teheran dan beberapa negeri lagi di Timur Tengah. Ekoran itu, kita telah menempatkan iklan di Timur Tengah sana. Kalau Yang Berhormat membaca salah satu akhbar tempatan baru-baru ini kita dapati gambar papan tanda promosi kita di sana. Mereka memang datang ke sini lama, pada kebiasaannya mereka tinggal di sini dan juga pergi ke negara-negara ASEAN yang lain

Berkenaan dengan masalah pemandu pelancong, Tuan Yang di Pertua, kita memang menggalakkan pemandu pelancong boleh bertutur beberapa bahasa. Masalahnya mereka yang tahu berbahasa Arab ini memang berkurangan hendak menjadi pemandu pelancong, ataupun pemandu pelancong yang ada sekarang ini enggan pula belajar bahasa Arab. Oleh yang demikian, kalaulah lebih ramai lagi mereka yang boleh bertutur bahasa Arab ini memohon menjadi pemandu pelancong tempatan, kita di kementerian memang mengalu-alukan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bidang pelancongan ini merupakan satu bidang yang boleh membantu memulihkan kegawatan ekonomi. Oleh sebab itu, apakah program-program bersepadu yang dibuat bersama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Luar Negeri? Adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengadakan program yang berasingan? Saya ingin mendapat penjelasan jenis-jenis program yang dibuat secara bersama dan nama negara-negara yang terlibat. Saya rasa ini adalah suatu program yang lebih berkesan daripada membuat program secara berasingan dan menjimatkan wang.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kementerian-kementerian bekerjasama dalam semua bidang. Dalam masalah

mempromosikan negara kita di luar negara ini, pegawai-pegawai pelancongan memang mendapat bantuan dan kerjasama daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat di Kementerian Luar Negeri di negara-negara yang kita membuat promosi itu. Tetapi apabila sampai masa untuk membuat kerja promosi itu sendiri, ia mestilah dilakukan oleh mereka yang profesional dan berpengalaman. Di sinilah kita menghantar pegawai-pegawai kita tetapi untuk mewujudkan dan mengadakan tempat, mencari tempat dan berurusan dengan pihak-pihak di sana, kita memang mendapat kerjasama daripada kementerian-kementerian yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, promosi ini memang berterusan saban tahun daripada bulan Februari sehinggalah akhir tahun. Berpuluh-puluh promosi yang kita lakukan, sama ada kita mengambil bahagian dalam ekspo-ekspo ataupun pergi sales mission ataupun pergi membawa mereka yang terlibat secara langsung daripada negara kita ke sana dan mengenalkan pula mereka yang terlibat dalam industri pelancongan di negara sana dan membawa mereka pula datang ke sini dan berbagai-bagai lagi. Sebab itulah boleh saya katakan bahawa tiap-tiap tahun perbelanjaan mempromosikan negara kita di luar negara sahaja tidak kurang daripada RM40 juta, ada masanya lebih.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita membelanjakan RM20 juta untuk mempromosikan Sukom sahaja selain daripada belanjawan yang lain itu. Untuk Sukom sahaja kita telah habis membelanjakan RM20 juta peruntukan. Kesannya, itulah yang Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui sekarang.

ASKAR WATANIAH – PENYERAPAN KE DALAM ANGKATAN TETAP ATM

8. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah jumlah Askar Wataniah di seluruh negara dan apakah boleh diserapkan kepada “TEDALU” (Tentera Darat, Laut dan Udara) dan apakah rancangan

Kementerian untuk melatih lebih ramai lagi rakyat awam dalam bidang ketenteraan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini kita boleh pecahkan kepada tiga bahagian, (a), (b) dan (c).

(a) Jumlah Askar Wataniah ataupun Pasukan Simpanan Sukarela seluruh negara yang berakhir pada Jun 1998 adalah seperti berikut:

(i)	Tentera Darat	-	47,794 orang
(ii)	Tentera Laut	-	2,556 orang
(iii)	Tentera Udara	-	<u>240 orang</u>
	Jumlah:	-	<u>50,590 orang</u>

(b) Penyerapan anggota Askar Wataniah Tentera Darat mahupun Pasukan Simpanan Sukarela TLDM kepada Angkatan Tetap ATM boleh dilaksanakan menerusi Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) 10 Bilangan 91 untuk pegawai-pegawai dan PMAT 11 Bilangan 91 untuk anggota lain-lain pangkat. Walau bagaimanapun, penyerapan anggota simpanan TUDM dalam Angkatan Tetap tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana TUDM memerlukan kemahiran tertentu bagi setiap anggotanya.

(c) Menyentuh mengenai rancangan untuk melatih lebih ramai lagi rakyat awam dalam bidang ketenteraan, Kementerian Pertahanan sebenarnya telah merangka beberapa strategi tertentu untuk mencapai matlamat ini. Antaranya ialah menawarkan pelbagai insentif dan meningkatkan promosi

untuk menggalakkan orang awam menyertai Pasukan Simpanan Sukarela, menyebarkan maklumat berhubung perkhidmatan ATM, menawarkan kadar elaun yang lebih menarik, mengadakan beberapa aktiviti bersama rakyat seperti projek anak angkat, dan menyusun semula bentuk latihan kepada anggota simpanan ATM.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah program khusus yang dibuat oleh kementerian bagi memberi latihan asas kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi termasuklah agensi-agensi kerajaan yang ada sekarang ini sebab ini adalah satu strategi yang saya agak baik untuk jangka panjang.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita menubuhkan pelbagai regimen Askar Wataniah baru di seluruh negeri. Keduanya, kita juga memberi latihan bagi memperkukuhkan sistem pertahanan tempatan di mana negeri-negeri melalui jawatankuasa-jawatankuasa pendukung negeri serta dengan kita melengkapkan semua unit Askar Wataniah baik di institusi-institusi pengajian tinggi dan sebagainya ataupun negeri-negeri dengan pelbagai kelengkapan perang dan infrastruktur yang mencukupi serta memastikan kursus dan latihan yang diberi itu menyeluruh dan mengikuti kehendak perancangan ATM itu sendiri.

GRADUAN PERTANIAN – BILANGAN MENJADI USAHAWAN

9. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah graduan pertanian lepasan pusat pengajian tinggi negara dan luar negara yang ada di dalam negara ini dan:

- (a) berapa ramaikah di antara mereka yang menceburkan diri di dalam sektor pertanian.

- (b) berapa ramaikah di antara mereka yang telah menjadi usahawan pertanian.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar yang berjaya menamat pengajian dalam bidang pertanian bagi tempoh tiga tahun yang lepas adalah seramai 833 orang. Bilangan ini meliputi pelbagai peringkat pengajian, iaitu Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana dan Ph.D. Kementerian Pendidikan tidak dapat memastikan bilangan sebenar di kalangan mereka yang menjadi usahawan dalam bidang pertanian kerana pihak universiti hanya melatih mereka sahaja.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kementerian Pertanian ada menyuarakan hasratnya untuk menambahkan lagi usahawan-usahawan pertanian di dalam bidang pertanian dan hasrat ini disuarakan sendiri oleh Timbalan Menteri Pertanian. Jadi, saya ingin tahu apakah bentuk kerjasama yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengesan mereka yang mempunyai kelulusan pertanian supaya hasrat Kementerian Pertanian itu dapat dilaksanakan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa memberikan kerjasama kepada semua kementerian yang bertujuan dan berhasrat untuk membela ataupun mengatasi apa juga masalah yang dihadapi oleh lepasan universiti.

JUALAN GUDANG – PEMERIKSAAN DI PREMIS JUALAN

10. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah beliau sedar mengenai jualan warehouse yang kerap kali diadakan di premis-premis tertentu dan adakah penguatkuasaan-penguatkuasaan Bahagian Penguatkuasaan Kementerian telah dihantar ke premis-premis ini untuk memastikan barang-barang yang dijual di situ adalah murah dan memadai dengan harga yang dijual.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, jualan gudang ataupun ‘warehouse sale’ adalah satu daripada bentuk transaksi urusanniaga yang ditakrifkan sebagai menawarkan barang kepada harga jualan murah mengikut kuasa Perintah Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997. Melalui Perintah ini, peniaga-peniaga dibenarkan untuk mengadakan jualan murah sebanyak enam kali dalam setahun, iaitu empat kali mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian dan dua kali mengikut pilihan mereka sendiri.

Dalam hubungan ini, peniaga-peniaga mempunyai pilihan untuk menganjurkan jualan murah mengikut jangka masa-jangka masa itu tertakluk kepada beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

Pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan ke premis-premis yang mengadakan jualan murah bagi menentukan kesahihan harga jualan murah yang ditawarkan. Dalam konteks Perintah Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997, harga jualan murah ialah harga barang-barang yang ditunjukkan dengan apa jua cara kurang daripada harga ditawarkan terdahulu dengan mengambil kira harga paling rendah dijual selama 28 hari berterusan dalam jangka masa enam bulan sebelumnya.

Bagi tahun ini iaitu sehingga 31.7.98 sebanyak 4,498 premis yang menjalankan jualan murah telah diperiksa dan bagi tempoh yang sama juga kementerian telah mengambil 215 tindakan kes yang berkaitan dengan penyelewengan jualan murah dengan melibatkan penyertaan barang-barang bernilai kira-kira RM1.5 juta. Pihak yang terbabit dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah ataupun dikompaun.

SYARIKAT AWAM DAN SWASTA - NILAI SUMBANGAN KEPADA KHIDMAT SOSIAL

11. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan syarikat awam dan swasta yang

memberi sumbangan kepada khidmat sosial serta jenis dan nilai sumbangan dalam tahun 1997 dan 1998.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, syarikat awam dan swasta telah memberikan sumbangan sebanyak RM317,013 dalam tahun 1997 dan RM35,000 dalam tahun 1998 bagi khidmat sosial.

Saya tidak bercadang untuk membaca senarai jenis sumbangan – hanya nama syarikat dan nilai sumbangan tiap-tiap syarikat mengikut tahun seperti yang dinyatakan kerana akan mengambil masa yang panjang untuk membacanya. Jikalau perlu satu dua jenis – boleh. Yang Berhormat boleh meneliti perkara tersebut dalam lampiran kepada naskhah jawapan butir-butir yang saya sebut di sini.

Tahun 1997 nama syarikat Matsushita Electric Co. Bhd., kewangan RM100,000. Tabung Kebajikan Kumpulan Maybank.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri senarai itu?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Kewangan ialah RM98,000 – hanya nama dan syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri senarai kemudian atau tidak?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudianlah.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Baik, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

HARGA BERAS – SEBAB KETIDAKSTABILAN

12. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah ketidakstabilan harga beras sekarang disebabkan BERNAS dipertanggungjawab mengurus pembelian dan penjualan beras. Apakah fungsi LPN sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 80% bekalan beras di Semenanjung Malaysia adalah didapati daripada sumber tempatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 75% adalah dikendalikan oleh kilang-kilang swasta dan bakinya oleh BERNAS. Ini jelas menunjukkan bahawa BERNAS tidak mempunyai kuasa tawar-menawar yang kuat di dalam mempengaruhi harga beras tempatan di pasaran.

Ketidakstabilan harga beras di pasaran adalah disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan BERNAS. Pihak kilang swasta negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang membeli padi pada harga yang tinggi iaitu di antara RM650 hingga RM700 setan metrik dan memindahkan padi tersebut ke negeri-negeri di Utara untuk diproses dan kemudiannya beras tersebut akan dipasarkan semula di negeri Selatan. Proses ini tentunya melibatkan kos pengangkutan dan pengendalian yang tinggi dan menyebabkan harga beras akan meningkat bagi menampung kenaikan kos tersebut.

BERNAS telah menetapkan harga beras tempatan di pintu kilangnya dan menjual beras-beras tersebut terus kepada pengguna-pengguna melalui kedai-kedai B-Mart Sdn. Bhd. dengan harga yang berpatutan dan jauh lebih murah daripada harga yang terdapat di pasaran. Ini akan dapat memberi pilihan kepada pengguna-pengguna untuk mendapatkan harga yang lebih murah dengan mutu yang terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPN tidak lagi berfungsi setelah dibubarkan pada 9 Julai 1994. Walaupun sebahagian fungsi LPN selepas itu diambil oleh BERNAS tetapi pendekatannya adalah berbeza. BERNAS bertanggungjawab menjaga kepentingan petani-petani dan pengguna-pengguna di negara ini terutamanya pengguna-pengguna yang mewakili 22 juta penduduk di negara ini.

Tuan Tee Thiong Hock: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, [*Ketawa*] masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai. Maaflah tidak dapat hendak memberi masa lebih lagi.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 13 hingga 65 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1998

Jawatankuasa

Dan

Bacaan Kali Yang Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. [*10 Julai 1998*]

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Senator Puan Mastika Junaidah dan Puan Kamilia, saya mohon izin merujuk kepada suatu soalan yang dikemukakan oleh Senator Dato' Haji Mohd. Zuki kelmarin.

Senator Dato' Haji Mohd. Zuki telah bertanya apakah akan terjadi sekiranya Danaharta Nasional Berhad tidak berjaya melupuskan tanah selepas

ianya diambil? Keupayaan Danaharta Nasional Berhad untuk melupuskan sesuatu aset bergantung kepada faktor-faktor seperti jenis aset, suasana pasaran bagi aset tersebut serta keadaan ekonomi makro semasa. Walau bagaimanapun, Danaharta Nasional Berhad mempunyai kemampuan untuk menjalankan tanggungjawabnya dan akan terus memegang aset itu sehingga ia berjaya dilupuskan.

Senator Mastika Junaidah binti Hussin telah membangkitkan beberapa soalan mengenai pelaksanaan pindaan kepada Kanun Tanah Negara. Pertama, tujuan mengadakan perkataan “this Bill will involve the government in extra financial expenditure, the amount of which cannot at present be ascertained” telah dimasukkan kerana aktiviti-aktiviti Danaharta Nasional Berhad adalah sesuatu yang baru dan mungkin akan melibatkan perbelanjaan oleh kerajaan. Ini bermakna jika ada perbelanjaan tambahan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan baru dalam Kanun Tanah Negara, kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang diperlukan. Kedua, sama ada pejabat tanah akan menubuhkan pasukan khas untuk membantu Danaharta Nasional Berhad dalam urusan tanah akan ditentukan kelak mengikut beban kerja dan keperluan yang lain.

Senator Puan Kamilia binti Ibrahim telah membangkitkan soal subsidiari-subsidiari Danaharta Nasional Berhad. Penubuhan subsidiari oleh Danaharta Nasional Berhad dikawal dalam Undang-undang Danaharta Nasional Berhad. Subsidiari-subsidiari adalah untuk membolehkan sesuatu jenis atau kumpulan aset diuruskan oleh pakar-pakar khusus. Sebagai contoh, aset hartanah atau real estate diuruskan oleh sebuah subsidiari dan aset pembuatan atau manufacturing oleh satu lagi subsidiari.

Mengenai soal penggunaan instruments yang sedia ada, saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa prosedur pintas sangat-sangat diperlukan dan oleh kerana itu borang-borang Kanun Tanah Negara tidak digunakan.

Perletakhakkan dilakukan dengan menggunakan perakuan perletakhakkan (vesting certificate) dan perakuan pindahmilik (transfer certificate) yang ditetapkan di bawah Undang-undang Danaharta.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Senator Kamilia sama ada pindahmilik caveat persendirian, caveat pemegang lien dan perintah larangan, bertentangan dengan hak-hak asasi yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya suka memaklumkan bahawa hak-hak pihak yang tercatat dalam hakmilik tanah tidak terjejas. Oleh yang demikian, soal bertentangan dengan hak asasi tidak timbul. Saya ingin menekankan sekali lagi betapa penting Danaharta ditubuhkan dan Kanun Tanah Negara perlu diubahsuaikan untuk memulihkan semula ekonomi negara kita dengan secepat mungkin. Bank-bank dan institusi-institusi kewangan hendaklah menumpukan semula usaha mereka kepada aktiviti yang asal dan dengan itu akan menggalakkan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan negara. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1998) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

3.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang

daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM400 juta dikeluarkan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 1998 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998 adalah berjumlah RM400 juta. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah bagi Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM300 juta untuk membiayai pemberian kepada Tabung Makanan; dan
- (ii) sebanyak RM100 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petroleum.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998 ada seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18, Tahun 1998 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A, Tahun 1998. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang

itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

3.47 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membincangkan rang undang-undang ini bernama suatu Rang Undnag-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Kita lihat apabila diterangkan oleh Setiausaha Parlimen bahawa RM300 juta diperlukan untuk tabung makanan dan juga RM100 juta untuk petroleum.

Saya ingin menyentuh mengenai tabung makanan ini kerana selain daripada RM300 juta ini, apa yang kita difahamkan bahawa masih banyak lagi wang tabung ini masih tidak digunakan iaitu melalui pinjaman dan sebagainya untuk menggalakkan industri-industri pertanian yang merupakan makanan harian kecuali kelapa sawit. Ini termasuklah padi, menanam tebu, sayur-sayuran dan sebagainya. Beberapa kali saya rasakan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mengingatkan kerajaan kerana terdapat rintangan-rintangan yang amat ketara yang sukar untuk kita lalui. Saya banyak kali berbincang dengan para petani dan juga para usahawan kecilan yang ingin memohon tabung ini, akan tetapi sekatan-sekatannya amat berat sekali terutama dari segi apabila katakan kita memohon RM50,000, kita dikehendaki mengadakan satu jaminan berbentuk harta dan sebagainya sebanyak RM50,000 juga. Maknanya setiap ringgit yang kita pinjam kita perlu membuat cagaran sebanyak RM1 juga.

Dengan hal yang demikian, apabila kita tinjau kepada petani-petani dan juga pengusaha-pengusaha, ada setengah daripada mereka tidak mempunyai modal yang cukup dan tidak mempunyai harta untuk dicagarkan, terutama di luar-luar bandar sebagai contoh petani-petani kita mahupun di Pantai Timur atau di Pantai Barat mahupun di Sabah dan Sarawak, mereka-mereka ini kadangkala tidak mempunyai tanah untuk dicagarkan. Dengan hal yang demikian, saya memohon kepada pihak kerajaan agar memberi sedikit kelonggaran kepada

mereka agar mereka dapat mengambil tempat dan mengambil bahagian dalam pembangunan industri makanan di negara ini menerusi tabung makanan kita. Apakah daya kepada mereka yang tidak mempunyai harta tetap untuk mencagarkan harta-harta mereka. Apabila mereka ingin membuat permohonan pinjaman, mereka terpaksa menerusi Bank Pertanian.

Memanglah kita bersetuju Bank Pertanian sebagai sebuah bank yang beramanah, mempunyai tanggungjawab untuk menyalurkan pinjaman akan tetapi apabila seorang petani yang tidak mempunyai cagaran untuk membuat pinjaman, pulang begitu sahaja dengan perasaan yang kecewa. Apa salahnya kita memikirkan satu cara yang lebih baik lagi supaya tabung makanan ini dapat dimanfaatkan. Kalau kita boleh meminjamkan, katakan RM10,000 tanpa cagaran kepada petani-petani kecil, saya rasa petani-petani kecil berkemampuan diberi kepercayaan kepada mereka, mereka dapat memberi sumbangan kepada tabung makanan negara ini.

Kita tidak perlu menghebohkan berapa ratus juta masih tidak digunapakai akan tetapi kita tidak mengkaji masalah yang timbul daripada dalam pentadbiran kita. Bagaimana kita memberi anjuran-anjuran untuk memberi mereka kemudahan-kemudahan pinjaman. Kita boleh tinjau perasaan-perasaan petani yang pulang kecewa dan hampa tidak mendapat pinjaman kerana mereka juga tidak mempunyai harta.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat sahaja pertukaran-pertukaran asing kadangkala kita pun takut kerana nilai-nilai wang kita kadangkala terlalu begitu ke bawah sekali dan bagi petani-petani yang ingin menambahkan jentera-jentera pada masa ini tidak mampu. Ada rungutan-rungutan daripada mereka yang mereka tidak mampu hendak membeli jentera-jentera untuk membajak dan sebagainya. Mengharapkan subsidi daripada kerajaan, saya rasa sekarang subsidi pun telah berkurangan. Jadi dengan hal demikian kita harus memikirkan apakah cara-cara yang paling mudah kepada mereka untuk kita membantu agar mereka ini, petani-

petani kecil atau miskin ini dapat menikmati wang tabung yang tersebut. Kita fikirkan cara-cara bagaimana kita dapat membantu kerana kita tidak mahu dijadikan oleh pihak-pihak yang tertentu sebagai satu bahan gimik atau satu bahan ketawa kepada mereka. Kita harus memikirkan perkara-perkara yang baik kerana di negara kita ini kita sering kali dikejutkan oleh aktivis-aktivis yang ada di sekeliling kita, NGO-NGO dan sebagainya, kadang-kadang teguran mereka ada juga yang betul, walaupun kadangkala ada yang salah tetapi kita harus mengambil kira ini.

Baru-baru ini kita lihat juga, saya pagi tadi terkejut kerana kita lihat aktivis kita telah pun ada di Myanmar, membantu satu parti yang bergerak di Myanmar dan mereka ini juga saya dapati, kalau mengikut laporan akhbar, mereka ini sedang ditahan dan mereka ini juga merupakan musuh negara kita. Mereka pergi ke negara jiran kita membuat satu kerja yang bertentangan dengan undang-undang negara yang tersebut. Kita harus berwaspada terhadap aktivis berbentuk begini di mana saya lihat tiga anak muda kita ditahan di Yangoon, saya boleh bacakan namanya See Chee How, 34 tahun, Chong Kok Wei, 27 tahun, dan Ong Ju Lin, 27 tahun. Mereka ini merupakan aktivis-aktivis dari Malaysia dan kita mempunyai hubungan yang baik dengan negara Myanmar. Saya tidak mahu bentuk sedemikian akan mengguriskan satu garisan hitam di antara perhubungan negara kita dengan negara Myanmar. Kita sentiasa berbaik-baik walau apa bentuk kerajaan di Myanmar, kita tidak ambil kisah, itu sikap negara kita, negara kita yang sering kita laungkan berkecuali tetapi dengan adanya aktivis-aktivis seperti ini mengeruhkan suasana.

Saya mohon kepada kerajaan Malaysia supaya mereka ini diambil tindakan yang tegas, kalau tidak nanti kita biarkan mereka bergerak dengan begitu bebas mereka akan menggunakan kemudahan-kemudahan daripada persatuan-persatuan di luar negara, kesatuan-kesatuan yang berbentuk NGO akan merenggangkan hubungan kita dengan negara-negara dalam Asia. Saya minta pihak Kementerian

Dalam Negeri supaya menyiasat mereka ini, apakah mungkin mereka ini kita relakan pergi ke negara jiran kita sebagai salah satu negara dan yang menganggotai ASEAN, menunjuk perasaan di sana, mengedarkan risalah-risalah yang bertentangan dengan agenda pemerintah negara-negara tersebut. Saya mohon daripada pihak kerajaan aktivis-aktivis yang demikian harus kita kenal pasti untuk mereka ini kerana di samping kita tidak mahukan negara kita terlalu lantang menegur sikap-sikap negara luar meskipun kadangkala kita boleh menegur sikap-sikap negara jiran akan tetapi perasaan negara-negara jiran juga harus dijaga bagi menyambung sikap rasa setiakawan di dalam negara ASEAN kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi langkah jimat cermat saya ingin membuat teguran sedikit terutama kepada Kementerian Kewangan menasihati Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan sebagainya, saya lihat hampir hujung tahun ini pertukaran-pertukaran dibekukanlah sedikit, saya lihat masih ada pertukaran-pertukaran antara jabatan dengan jabatan kadang-kadang melibatkan dari Kuala Lumpur pergi ke Pulau Pinang, dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Negara kita perlukan wang, negara kita perlukan ringgit untuk membiayai pelbagai projek yang masih diperlukan oleh rakyat. Di dalam masa yang sama kita juga harus berjimat cermat, pertukaran-pertukaran pegawai ini kadangkala melibatkan perbelanjaan juga terutama pegawai Division 1 dan Division 2. Saya rasa tidak kurang juga wang itu digunakan, jadi saya dengar sekarang khabar-khabar pegawai-pegawai Division 1 dan Division 2 sudah mula hendak tukar dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, dari Kuala Lumpur ada yang hendak pindah ke Kota Bharu, ada yang hendak pindah ke Johor, ada yang kena pergi ke Sabah, Sarawak.

Saya rasa sementara waktu ini walaupun kenaikan pangkat di dalam pegawai-pegawai kerajaan di peringkat Persekutuan ataupun negeri-negeri, biarkanlah mereka di tempat mereka sementara dua tahun atau tiga tahun, pangkat tidak apa sandanglah dahulu sehingga sampai satu masa barulah pindah kerana keadaan negara kita teramat gawat sekarang kita tidak mampu untuk membiayai,

bukan sedikit, saya rasa Yang Berhormat lebih maklum bahawa perbelanjaan pertukaran dalam negara kita boleh semak dengan Perbendaharaan, banyak, berjuta-juta ringgit dan pegawai Division 1 itu bukannya hendak duduk di rumah emaknya kalau ditukarkan ke kampung, dia akan duduk di hotel. Hotel pula, dia hendak yang berbintang-bintang, satu bintang tidak mahu, dia hendak banyak bintang, jadi ini melibatkan perbelanjaan negara.

Jadi saya membuat teguran ini supaya pegawai-pegawai, maklumlah sekarang ini hampir hujung tahun ada sesetengahnya hendak tukar sangat, sudah minta sangat. Jadi saya minta kepada pegawai-pegawai kerajaan, menyeru kepada pegawai-pegawai kerajaan setiap kementerian bersabar dahulu hingga dua tahun, baru ditukarkan, duit sudah banyak tidak apa, tukarlah. Bukan sedikit kalau seorang pegawai bertukar melibatkan lima, enam ribu ringgit, bukan murah. Yang dari Sabah pula datang ke Wilayah ini bukannya boleh hendak menaiki kapal, kena naik kapal terbang, belanja lagi dengan keluarga, anak-anak. Jadi di situ kita harus meneliti, walaupun kadangkala ini remeh-temeh, nampak sedikit sahaja, dia kata, "Bukan banyak, saya seorang sahaja hendak tukar, bukan banyak RM7,000, RM8,000". Kalau 200 orang tukar, 1,000 orang tukar, berapa? Kita boleh semak dengan Perbendaharaan, berapa perbelanjaan tahunan kita terpaksa belanjakan untuk pegawai-pegawai ini bertukar. Kita tangguhkan dahulu, mana yang hendak balik sangat itu tunggu dahulu dua tahun, sabarlah, ini negara kita, kita harus mencintai negara kita, berjimat cermat pada masa ini. Pada masa akan datang kita boleh bukan sahaja pertukaran malah kemudahan-kemudahan yang perlu diberi oleh kerajaan, akan diberi, tidak pula disekat.

Jadi, sementara waktu ini kita harus berjimat-cermat memandangkan negara kita terlalu gawat. Kita amat bimbang walaupun keadaan kita masih belum meminjam wang di luar negara melalui IMF, akan tetapi kita mampu lagi mengendalikan pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh kerajaan.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

4.01 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut bangun bagi membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, telah hampir enam tahun saya berada di Dewan yang mulia ini iaitu, dengan izin, short of twenty days. Inilah pertama kalinya saya membahaskan satu peruntukan Perbekalan Tambahan yang hanya mempunyai satu Maksud iaitu B.29.

Tersiratlah bahawa peruntukan tambahan ini menjelaskan kesungguhan kerajaan bagi mengamalkan prinsip berhemah dan berbelanja mengikut kemampuan sendiri. Tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana bukanlah mudah untuk menerima hakikat bahawa lain dahulu lain sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, RM400 juta ini sebahagian besarnya adalah untuk membiayai tabung pemberian kepada Tabung Makanan Negara, sekali gus menampakkan juga kesungguhan kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara, salah satu mekanisme mengatasi masalah kegawatan ekonomi kini.

Semenjak diberi penekanan di atas wang untuk makanan (funds for food) ini, apakah kerajaan telah mengkaji di atas keberkesanannya? Saya minta kerajaan membuat penilaian segera supaya pelaksanaan program ini benar-benar dimanfaatkan oleh rakyat dan negara. Janganlah hendaknya tabung ini yang lazimnya dikendalikan oleh bank-bank yang lazimnya menjaga kepentingan mereka umpamanya cagaran kenalah cukup dan syarat yang hanya mampu dipenuhi oleh

syarikat-syarikat gergasi yang mantap, yang mempunyai aset yang mencukupi dan dapat memenuhi kehendak-kehendak bank tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, daripada pembacaan dan penglihatan didapati bahawa ada sebahagian sektor pengeluaran makanan negara tidak begitu teratur dan tidak dapat dikendalikan pengurusannya secara syarikat-syarikat besar tadi. Adakah kerajaan memberi peluang kepada mereka ini untuk membangunkan usaha mereka supaya dapat menambah pengeluaran makanan negara.

Saya kira eloklah dibuat program bagi meningkatkan pengeluaran mereka. Mungkin saya rasa kita dapat contohi program vendor dan anchor company dalam sektor industri yang mana syarikat-syarikat yang mantap dan besar ini yang dapat meraih pinjaman yang murah dari bank-bank melalui tabung 'Funds for Food' ini disyaratkan mereka jika menerima pinjaman untuk membangunkan sektor ekonomi yang tidak teratur tadi supaya mereka dapat ditingkatkan pengeluarannya melalui pengurusan yang mantap dan juga cara pengeluaran yang berkesan.

Oleh itu, saya mintalah kalau boleh kementerian memberi tumpuan ke arah ini supaya syarikat-syarikat besar boleh menjadi syarikat induk dan bertanggungjawab di atas perkara ini, tambahan pula seperti yang kita tahu, bahawa syarikat-syarikat besar ini kini mendapat pinjaman daripada tabung ini iaitu pinjaman wang yang murah.

Jadi, saya juga mengharapkan kerajaan mengambil kira dan mengkaji program-program lain contohnya, sebagai program memberi ayam-ayam kampung kepada penduduk-penduduk kampung yang mana saya kira telah tiga, empat bulan yang lalu telah diambil namanya untuk diagihkan benih-benih ayam kampung tetapi sehingga ini nampak gayanya belum dibekalkan lagi. Jadi, saya rasa

pelaksanaan dalam bab ini haruslah diteliti supaya kerajaan benar-benar dapat menerima hasil yang sepatutnya supaya dapat mengatasi kegawatan ekonomi kini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah.

4.05 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih oleh kerana memberi laluan kepada saya untuk bangun dan turut memberi pandangan saya yang sangat ringkas, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan anggaran tambahan pengurusan dan pembangunan yang dibina adalah berjumlah begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian sidang Dewan dari manakah peruntukan sebanyak ini akan diperolehi di dalam kegawatan ekonomi yang ada pada hari ini. Saya menyokong Perbekalan Tambahan sekiranya kerajaan dapat menjamin ianya diagihkan dengan sempurna dan dapat meningkatkan ekonomi negara dan memulihkannya kembali umpamanya peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Usahawan adalah diharapkan dapat membantu industri-industri kecil dan sederhana dan mampu melahirkan usahawan yang berkualiti dan dapat bersaing sekurang-kurangnya di negara ASEAN. Begitu juga dengan peruntukan-peruntukan yang lain, adalah diharapkan ianya merupakan perbekalan atau peruntukan yang perlu dan memberi manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu kerajaan menambahkan peruntukan projek-projek tidak produktif tetapi terlupa untuk mengabaikan projek pembangunan insan. Saya mengharap kepada pihak kerajaan supaya tidak akan lagi membazir wang. Peruntukan yang akan diluluskan nanti di dalam Dewan Negara sebagai Perbekalan Tambahan, uruskanlah peruntukan yang diberi

ini dengan jimat dan cermat, mudah-mudahan Allah akan memberkati kita menenangkan keadaan kita dan Allah memberi jalan keluar kepada kita dengan apa sahaja usaha yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan, insya-Allah. Negara kita akan kembali di dalam bidang pemulihan ekonomi dengan mengambil masa yang paling dekat dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian pandangan saya, wallahu'alam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gapar bin Gurrohu.

4.08 ptg.

Tuan Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut ingin membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 di bawah B.29 sebanyak RM400 juta, ianya melingkupi bayaran subsidi bahan-bahan petroleum sebanyak RM100 juta dan sumbangan kepada tabung makanan sebanyak RM300 juta. Tumpuan saya lebih kepada isu makanan di mana dalam tahun 1997 negara mengimport bahan makanan utama seperti beras, sayur-sayuran dan buah-buahan meningkat dengan kadar lebih dari RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa petunjuk adalah dilihat peratus perubahan indeks bagi komponen makanan menunjukkan peratus peningkatan tinggi pada kumpulan berpendapatan kurang dari RM1,500 sebulan meningkat kepada 3.9% berbanding purata 3.5% pada tahun 1996. Corak perbelanjaan isi rumah mengikut kumpulan berpendapatan adalah dilihat bagi yang berpendapatan kurang dari RM1,500 sebanyak 40.9% daripada pendapatan mereka digunakan untuk makanan dan yang berpendapatan lebih RM1,500 sebanyak 29.8% dan ini mempunyai purata 34.9%.

Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan berapa banyaknya duit yang digunakan oleh setiap keluarga untuk membeli makanan.

Semasa kegawatan ekonomi sekarang, adalah dilihat kita mengalami masalah penawaran terhadap bahan-bahan makanan terutamanya bahan-bahan makanan seperti ikan, sayur-sayuran dan daging yang merupakan penyumbang terbesar kepada peningkatan indeks harga pengguna. Bagi meringankan beban usahawan tani untuk pengeluaran bahan makanan dibantu oleh kerajaan dengan pelbagai kemudahan di antaranya kemudahan-kemudahan yang ada seperti yang diluluskan pada hari ini termasuklah Tabung Galakan Nelayan, Tabung Makanan dan beberapa tabung yang dibiayai oleh kerajaan-kerajaan negeri seperti Tabung Pusingan Untuk Petani di mana petani-petani pelbagai komoditi dapat menokok modal bagi meningkatkan keupayaan petani-petani yang ingin menambah modal pusingan mereka. Tahniah kepada kerajaan!

Tuan Yang di-Pertua, dengan perbelanjaan RM300 juta peruntukan kerajaan bagi membantu usahawan tani ini perlulah digunakan dengan sebaik mungkin dan bagi mencapai matlamat seperti yang dirancang oleh kerajaan pada hari ini. Jentera penggerak komoditi daripada pelbagai agensi perlu dimainkan dengan lebih berkesan supaya merealisasikan keperluan negara. Lembaga Pertubuhan Peladang merupakan institusi terbesar usahawan tani seharusnya memainkan peranan utama.

Kita masih melihat unit-unit peladang dan persatuan-persatuan peladang lebih banyak berpolitik dan dipimpin bukan daripada kalangan petani tulen dan mempunyai agenda-agenda lain. Jadi kita lihat di mana-mana banyak perkara lain yang dibincangkan daripada agenda petani itu sendiri. Saya mencadangkan Lembaga Pertubuhan Peladang mengkaji keahlian ahli peladang seperti kehendak Akta 110 di bawah Akta LPP 1973. Dahulu terdapat juga pegawai yang mana dipanggil Pegawai Gerak Tani yang menyelaras, merancang dan memainkan peranan utama bagi menyelaras dalam modus operandi Kementerian Pertanian

dengan kerja-kerja bersepadu. Tetapi apa sudah jadi dengan keadaan sekarang kerana saya tengok pegawai itu sudah tidak ada dan entah ke mana.

Pengkalan hadapan kepada agensi Kementerian Pertanian, agen-agen pengembangan di bawah Program 2L juga tenggelam dan hilang. Kalau dilihat sekarang ini di dalam masa kita menggalakkan petani dan rakyat bertani, saya lihat program hydroponics telah melonjak dan ramai yang mengaut keuntungan daripada program ini. Pegawai pelaksana hanya mengambil mudah dan lupa kepada petani-petani PPRT. Tidak ada inovasi dan seolah-olah tanah tidak berguna lagi. Bahan murah baja kompos, tanah terbiar dan teknik-teknik kitaran biologi sudah tidak dipakai lagi. Peranan orang tengah masih juga berlaku, tidak tahu apa peranan FAMA sebagai agensi penimbal. Negara dalam keadaan krisis dan semua pegawai perlu bekerja dalam keadaan krisis. Dalam kementerian-kementerian, pertanian merupakan di antara agensi yang terbesar dan kalau digembleng merupakan sebuah pasukan raksasa yang mampu menghasilkan sesuatu untuk negara. Mana dia hasil daripada MARDITEC? Terlalu banyak yang sulit sehinggakan semuanya menyulitkan. Negara kita kaya dengan hasil pertanian. Kenapa kita bergantung kepada jagung contohnya untuk mendapatkan sumber protein. Makanan ternakan tidak ada sumber protein lain seolah-olah jagunglah yang ada. Sedangkan di negara kita ada sumber seperti kelapa sawit juga mempunyai sumber protein yang tinggi. Mana dia pakar nutrition makanan dan mana dia satu formulasi baru untuk mencari protein-protein baru? Makanan ikan juga secara totalnya diimport, saya tidak nampak adakah perlu makanan ikan ini juga diimport. Sedangkan di negara banyak bahan yang perlu diformulasikan untuk digunakan bagi makanan ternakan ikan. Manakah ladang-ladang besar seperti Guthrie, IOI dan anak syarikat-syarikat kerajaan negeri yang menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menternak projek integrasi secara besar-besaran yang mana baru-baru ini pelancarannya telah dilaksanakan di negeri Johor. Perkara itu juga tidak nampak.

Dalam keadaan kegawatan sekarang semua harga import pertanian telah meningkat seharusnya tidak menjadi gawat kalau LPP melalui Pertubuhan Peladang telah bersedia, kukuh dan berada di landasan yang betul. Saya melihat agensi-agensinya ini tidak bersatu dari segi tenaga, input dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Pegawai menjadikan petani yang berpotensi sebagai sasaran. Mereka berebut dan kalau ada seseorang petani yang benar-benar bagus - pertanian pergi ke dia, jabatan haiwan pergi ke dia, RISDA pergi ke dia sampai tidak 'tertangan' dia hendak buat kerja. Akhirnya semua projek yang diberikan kepada beliau gagal. Macam tidak ada orang lain.

Saya mencadangkan Dasar Pertanian Negara yang baru dirangka ataupun akan siap tidak lama lagi perlu dikaji sebagai pelaksana, setiap agensi dapat disatukan di bawah satu kumpulan dan menjadi senjata bagi memperjuangkan nasib petani, penternak, nelayan dan akhirnya bagi menggembelng tenaga bagi pengeluaran makanan untuk kegunaan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengutarakan sedikit tentang masalah PPRT berkaitan dengan industri rotan. Ada kelainan sedikit tetapi rotan ini pun untuk cari makan juga. Kerajaan nampaknya ingin melindungi segelintir usahawan yang terlibat dengan industri ini. Satu peraturan telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi menyekat atau melarang pengeksportan rotan yang berukuran perempang melebihi 12 mm dan tidak mengira jenis rotan. Ini bermula daripada 1 Disember 1989. Tujuan utama peraturan ini dilaksanakan bagi membantu pengusaha-pengusaha tempatan mendapat bahan mentah berkenaan supaya terus berkembang. Daripada tinjauan saya adalah didapati hanya rotan popular seperti Manau, Mantang, Rotan Sega dan Merah sahaja digunakan untuk industri perabot di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa sudah jadi dengan rotan-rotan lain seperti Rotan Tawar, Rotan Krai, Rotan Semambu, Rotan Tikus, Rotan Jernang, Rotan Dahan dan lain-lain? Mana yang lebih dikenali oleh orang pada hari ini Rotan Cap-Cai

ataupun Rotan Campuran. Kesemua rotan ini walaupun tidak digunakan dalam negara tetapi mempunyai permintaan di luar negara dalam bentuk rotan mentah yang diproses. Harga pasaran sekarang ini dalam lingkungan RM1,100 hingga RM1,200 setiap tan. Manakala cukai yang dikenakan sebanyak RM2,700 satu tan. Jadi tidak boleh cari makanlah pengeluar rotan ini. Apa yang berlaku sekarang kalau kawasan-kawasan balak itu diteroka, rotan ini pun turut musnah, terbiar dan habis begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya terima bagi bahan yang sama dari Sabah dan Sarawak cukai eksport ini hanya RM250 satu tan. Akibatnya pengusaha-pengusaha rotan dari Semenanjung dia 'twist' sahaja barang itu masuk kontena dan dihantar ke Sabah dan Sarawak tanpa apa-apa cukai. Orang di Sabah dan Sarawak hantar ke luar negeri. Itulah keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu bentuk penyeragaman harus dilakukan di antara negeri-negeri di Malaysia ini. Kerajaan harus mengkaji peraturan ini supaya Rotan Cap-cai dapat dieksport supaya tidak terbuang dan merugikan negara. Satu perkara lagi yang saya turut ingatkan kepada persatuan pengeluar perabot terutamanya daripada bahan rotan. Sekarang ini sudah terdapat sembilan produk industri perabot rotan keluaran dari Taiwan dengan menggunakan plastik. Buatannya menggunakan teknologi tinggi, menggunakan mesin dan amat menarik serta tahan lama. Kalau hendak dibandingkan dengan rotan tulen pun rotan plastik ini lebih menarik dan cantik. Jadi itulah saranan saya supaya diambil perhatian dan dengan kata-kata itu saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

4.18 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998 iaitu memohon peruntukan sebanyak RM400 juta daripada

Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1998, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan Tambahan 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah binti Baheran itu tadi. Bagi saya juga semenjak saya berada di dalam Dewan yang mulia ini, inilah kali pertamanya dalam perbahasan rang undang-undang yang melibatkan Akta Perbekalan Tambahan. Kita cuma membahaskan satu peruntukan yang kecil dan juga peruntukan itu diperuntukkan khusus untuk satu sahaja Maksud iaitu B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebanyak RM400 juta yang mana sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dipohon untuk dua tujuan iaitu:

- (i) RM100 juta untuk subsidi bahan-bahan petroleum; dan
- (ii) RM300 juta bagi tabung makanan ataupun Tabung 3F.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi bagi saya ada hikmahnya di mana semua jabatan di bawah kementerian nampaknya berupaya beroperasi dalam keadaan kawalan peruntukan yang ketat tanpa menjejaskan perkhidmatan dengan ketara. Ini saya percaya sudah tentu merupakan satu kenyataan kerana pada kali ini tidak ada mana-mana jabatan ataupun kementerian mengemukakan peruntukan tambahan sebagaimana dalam persidangan-persidangan yang lalu.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua jentera kerajaan yang telah menunjukkan komitmen yang begitu tinggi telah pun menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan kepada rakyat walaupun dalam keadaan ekonomi yang gawat.

Di negara kita alhamdulillah, tidak ada mogok, tidak ada demonstrasi keadaan semua terkawal walaupun ada sedikit sebanyak pengurangan dari segi perbelanjaan. Saya percaya perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan-jabatan buat masa ini amat membanggakan dan saya juga mengambil kesempatan ini

untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kesatuan Pekerja dalam keadaan ekonomi yang runcing kita dapati rakyat di negara kita terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor awam juga yang terlibat dalam sektor swasta. Walaupun telah ada yang terpaksa meninggalkan jawatan mereka kerana terpaksa diberhentikan tetapi seluruh rakyat nampaknya mempunyai komitmen yang begitu tinggi, pemahaman yang begitu tinggi dan meletakkan kepentingan negara di atas sehingga walaupun dalam keadaan begitu gawat keadaan masih terkawal dalam negara kita.

Ini merupakan satu petunjuk bahawa rakyat di negara Malaysia mempunyai satu sikap pemahaman yang begitu baik dan kita berdoa kepada Allah S.W.T supaya keadaan ekonomi yang melanda negara kita akan segera berlalu dan masalah-masalah ini akan dapat diatasi supaya kita dapat meneruskan kehidupan kita dalam sebuah negara yang aman, damai, harmoni dan makmur sebagaimana telah kita nikmati tujuh tahun yang lalu.

Kita berharap rakyat akan menunjukkan satu sikap kualiti yang tinggi dan akan terus bersabar kerana kerajaan pada hari ini sedang berusaha bersungguh-sungguh memperkenalkan beberapa program, beberapa peruntukan yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengatasi kegawatan ekonomi. Kalau tidak silap saya kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk pekebun-pekebun kecil melalui pertubuhan-pertubuhan peladang dan juga kerajaan telah meluluskan RM200 juta untuk penjaja dan usahawan kecil. Skim cepat dan mudah tidak membebankan. Kerajaan juga telah meluluskan RM200 juta untuk pendidikan dan pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan kemahiran mereka yang terpaksa meninggalkan pekerjaan. Mereka diberi peluang untuk meneruskan kehidupan di samping menimba ilmu untuk menambahkan lagi kualiti mereka sebagai sumber manusia di negara kita.

Begitu juga kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk amanah ikhtiar di Malaysia dan saya kira banyak lagi peruntukan yang telah

diluluskan dan juga yang sedang diusahakan oleh kerajaan termasuk Danaharta Nasional buat masa sekarang ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional walaupun ada salah seorang Yang Berhormat menyebutkan ada pihak-pihak daripada negara luar menyatakan bahawa Malaysia telah pun menjadi bankrap. Sebenarnya daripada tabung-tabung yang dikeluarkan tadi menunjukkan bahawa usaha-usaha kita selama ini untuk mengawal keadaan kewangan negara kita, mempunyai simpanan-simpanan dan dana-dana yang cukup yang boleh digunakan dalam masa yang terdesak. Sudah tentu kerajaan terpaksa membuat satu keputusan yang perit, mengeluarkan peruntukan-peruntukan daripada dana-dana yang tertentu supaya memastikan rakyat di negara kita terutamanya golongan-golongan yang memerlukan dapat terus bergerak kegiatannya dan ekonomi negara terus dapat berkembang walaupun dalam angka tunjuk yang begitu kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan ucapan saya kepada tabung 3 F iaitu 'Fund for Food'. Nampak gayanya walaupun dibentangkan pada hari ini permohonan untuk dua peruntukan, subsidi untuk bahan petroleum kita lebih dekat kepada tabung makanan - Fund for Food. Subsidi untuk bahan petroleum ini, saya tidak tahulah, saya harap Yang Berhormat walaupun mungkin telah menyebutkan dan saya tidak dapat dengar dengan jelas apa tujuannya kemungkinan akan digunakan untuk mempertingkatkan pengeluaran petroleum dalam negara kita tapi saya kira Petronas adalah merupakan satu syarikat yang besar yang mempunyai keupayaan tetapi walau bagaimanapun kita menyokong supaya peruntukan-peruntukan ini dapat diberikan dan dapat digunakan dan kita berharap melalui peruntukan yang diberikan ini akan memberi pulangan kepada negara yang akan digunakan untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tabung 3F atau Fund for Food telah diumumkan pada 30.10.1992 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta. Pada waktu itu diumumkan bahawa pinjaman minimum yang dibenarkan sebanyak RM50,000 bagi tempoh

lima tahun dengan faedah 7.75%. Amat malang bagi kita walaupun negara telah mewujudkan tabung 3F tetapi Laporan Ekonomi 1996 menunjukkan Malaysia masih bergantung kepada import makanan sejumlah RM9.1 bilion. Import sayur-sayuran dan buah-buahan merupakan import kedua terbanyak iaitu sebanyak RM1.27 bilion. Jika diizinkan saya ingin membaca Tuan Yang di-Pertua, laporan penuh yang ada pada saya mengikut kajian dan rujukan saya, import melebihi eksport di negara kita pada tahun 1996 iaitu empat tahun selepas tabung 3F diumumkan oleh pihak kerajaan.

Pada keseluruhannya kita telah mengimport RM9,889,451 nilai import dan nilai eksport cuma RM4,724,831. Hasil ternakan, import sebanyak RM463,429 berbanding dengan eksport sebanyak RM804,448 ini termasuklah daging lembu, daging kambing, bebiri dan sebagainya.

Hasil tanaman, kita telah import sebanyak RM3,792,468 berbanding dengan eksport RM99.962 termasuklah sayur-sayuran, buah-buahan tropika, jagung, gandum, beras, gula dan minuman jus.

Hasil perikanan, ini nampaknya ada perimbangan diantara import dan eksport. Import sebanyak RM843,657 dan eksport sebanyak RM85,793. Ini saya kira laporan hasil perikanan ini termasuk dengan ikan-ikan yang telah pun ditangkap melalui program laut dalam yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia tetapi saya difahamkan bahawa ikan-ikan ini telah didaratkan di negara jiran. Ini juga merupakan satu masalah yang dihadapi oleh negara kita yang nampaknya walaupun kita sebagai penganjur kepada usaha-usaha untuk mengaut hasil perikanan di laut dalam tetapi kebanyakan daripada program yang disusun, peminjam-peminjam yang membuat pinjaman tidak dapat membayar pinjaman mereka kerana saya difahamkan kebanyakan ikan-ikan yang telah pun ditangkap telah didaratkan di negara jiran. Walau bagaimanapun angka ini agak membanggakan kita di mana nilai import dan nilai eksport agak hampir setara.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, kenapakah di dalam keadaan kita memperkenalkan tabung 3F pada tahun 1992 tetapi Laporan Ekonomi 1996 menunjukkan bahawa kita terpaksa mengimport makanan yang begitu besar nilainya berbanding dengan eksport yang kita keluarkan. Sudah tentulah ada yang tidak kena, sama ada dari segi dasar, sama ada dari segi pendekatan, sama ada dari segi kesungguhan dan juga dari segi tabungan-tabungan yang kita keluarkan. Adakah tabungan-tabungan ini dapat benar-benar digunakan dan dapat benar-benar menyumbang kepada pengeluaran makanan di negara kita. Ini persoalan yang saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dapat menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada sumber, Malaysia merupakan negara pertanian sejak turun-temurun, dengan tanah yang subur, iklim yang baik, sumber air yang mencukupi, tanah yang luas yang masih belum diusahakan. Jika dikaji dari segi modal, dana 3F telah disediakan oleh kerajaan. Kita juga mempunyai peladang dan penternak, nelayan di seluruh negara dianggarkan 3 juta rakyat Malaysia bergantung kepada usaha-usaha pertanian dan pengeluaran makanan.

Kita juga mempunyai sebuah kementerian yang menjaga khusus bidang ini dibantu oleh agensi-agensinya yang tidak kurang hebatnya sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Saudara Long Jidin dengan Jabatan Pertaniannya, LPP, MADA, KADA, Sabah, Sarawak dan juga banyak lagi agensi-agensinya yang ada di bawah Kementerian Pertanian dan kita juga mempunyai Institusi Peladang. Kita juga mempunyai 281 buah pertubuhan peladang di mana 212 di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan selebihnya di bawah MADA, KADA dan juga di Sabah, Sarawak. Mereka yang diwakili oleh pertubuhan peladang seramai 433,166 ahli yang telah mengumpul modal sebanyak RM40 juta dan mereka mempunyai harta sebanyak RM700 juta dan nilai bersih RM283,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, melalui apa yang saya sebutkan tadi, kita nampak bahawa ada yang tidak kena di dalam usaha-usaha kita untuk meningkatkan makanan di negara kita. Saya mempunyai laporan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana gerakan ataupun pengumuman tabung 3F kepada agensi-agensi kerajaan dalam Kementerian Pertanian dan sejauh mana sikap Kementerian Pertanian dalam usaha-usaha untuk menggalakkan, memberi peluang dan juga menggunakan tabung 3F yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Sebelum saya membaca laporan yang ada pada saya, saya juga ingin menyatakan rasa kesal kerana di dalam negara kita yang menuju sebuah negara industri, negara maju dan saya adalah merupakan orang yang menyokong kepada usaha-usaha untuk meningkatkan negara kita menuju kepada negara maju dan negara industri tetapi dalam masa yang sama, kita tidak boleh memperkecilkan ataupun kita tidak boleh melihat usaha-usaha untuk menyediakan makanan kepada rakyat ini perkara yang remeh, kerana penyediaan makanan kepada rakyat merupakan satu perkara yang penting dan keutamaan kepada kehidupan manusia.

Kita tidak akan dapat menjadi pengeluar yang baik, kita tidak akan dapat memastikan kestabilan negara kita, kalau rakyat kita tidak cukup makan kerana walaupun kita banyak mengeluarkan microchips, kita tidak boleh makan microchips. Rakyat memerlukan makanan, bukan sahaja makanan, rakyat memerlukan makanan yang berkualiti untuk kita dapat melahirkan rakyat yang sihat, bertenaga untuk membangunkan negara. Nampaknya kebelakangan ini, saya telah beberapa kali menyatakan pandangan saya. Saya mohon maaf, kalau saya silap. Dalam kita berusaha untuk membangunkan negara, fokus kita pada bidang pengeluaran makanan ini tidak kita beri perhatian sewajarnya. Saya tidak menyalahkan kerajaan, kerana saya merasakan bahawa kerajaan telah menunjukkan komitmen mereka. Komitmen mereka dengan mengadakan dana-dana yang tertentu tetapi soalnya insentif dan juga minat dan peluang-peluang

untuk pengeluar makanan itu sendiri tidak dikaji, tidak diteliti dan tidak diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berwajib.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita lihat bagaimana tabung makanan yang telah pun kita keluarkan pada tahun 1992, saya difahamkan sehingga masa ini tabung makanan yang disediakan dan kerajaan telah menunjukkan komitmennya dengan beberapa kali telah pun menambah peruntukan ini. Tetapi sehingga 30 Jun 1998, penggunaan tabung ini bumiputera bilangan yang diluluskan sebanyak 354 berjumlah RM64,417,792 juta sedangkan bukan bumiputera yang telah pun diluluskan sebanyak 831 yang berjumlah RM264,137,774.40. Ini yang saya sebutkan tadi bahawa agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian yang sebahagian besarnya menjaga penduduk-penduduk luar bandar, yang sebahagian besarnya terdiri daripada bumiputera tidak memainkan peranan mereka sebaik mungkin untuk menentukan tabung ini dapat digunakan. Begitu juga dengan kerajaan negeri, cuma dua permohonan daripada kerajaan negeri yang berjumlah RM5,350,000 digunakan dan ini adalah di atas inisiatif kerajaan negeri yang saya kira begitu lemah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau melihat kepada perjalanan tabung ini, makluman-makluman yang diberikan kepada institusi-institusi peladang pada 30.10.1992, pengumuman penubuhan tabung makanan telah pun diumumkan oleh pihak kerajaan dengan peruntukan RM300 juta oleh kerajaan. Cuma pada 31.12.1994 syarat-syarat pinjaman dikaji semula dan saya menyebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, semasa tabung ini disediakan pinjaman minimum yang telah dikenakan oleh kerajaan sebanyak RM50 ribu, tempoh masa 5 tahun dengan faedah 7.7%. Keputusan pihak kerajaan menentukan supaya pinjaman minimum RM50 ribu juga sudah tidak tepat memenuhi keperluan dan kehendak rakyat di peringkat akar umbi.

Itulah yang saya sebutkan tadi, saya bimbang pihak Unit Perancang Ekonomi, adakah mereka ini benar-benar mengkaji, benar-benar mengetahui

keperluan-keperluan di peringkat akar umbi di luar bandar sana. Di bandar, memang RM30 ribu, RM50 ribu bukan merupakan satu angka yang besar, tetapi bagi petani-petani, kalau melihat RM50 ribu adalah merupakan satu permohonan dana yang besar bagi mereka. Mereka cuma perlukan dana-dana yang kecil. Pada pandangan saya sebab itulah petani-petani di luar bandar tidak memohon peruntukan ini kerana kadar pinjaman minimum yang ditentukan sebanyak RM50 ribu dan yang peliknya daripada tahun 1992 hingga 1994, tidak ada mana-mana pihak, begitu banyak agensi kerajaan, begitu banyak pihak-pihak yang berdamping rapat dan juga pertubuhan-pertubuhan peladang, NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri dan sebagainya, tetapi tidak ada mana-mana pihak membuat susulan, teguran ataupun pihak Unit Perancang Ekonomi tidak menerima teguran-teguran yang dibuat sehingga pada tahun 1994, barulah tabung ini dikaji semula dengan faedah diturunkan kepada 4% dan pinjaman minimum sebanyak RM10 ribu.

Saya melihat daripada laporan di sini daripada tahun 1992, cuma pada 2.10.1996, barulah pekeliling-pekelling dikeluarkan, arahan pendaftar dikeluarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang kepada pertubuhan-pertubuhan peladang untuk menggalakkan mereka dan ahli-ahli pertubuhan peladang melibatkan diri ataupun mengambil peluang daripada tabung 3F ini dan daripada situ saya melihat kementerian-kementerian, jabatan-jabatan agensi. Maaf, tidak melibatkan pun kementerian.

Agensi bermesyuarat sehingga 8.10.1997, bermesyuarat untuk membincangkan penggunaan tabung 3F dan ada sekali di antara kementerian dan pihak agensi, agensi menyatakan tidak menerima surat kementerian, kementerian nyatakan telah menghantar surat kepada agensi. Dan ini memakan masa berbulan-bulan, tabung ini tidak digunakan, maklumat tidak sampai di peringkat bawahan.

Pada 19.3.1998 barulah Kementerian Pertanian bermesyuarat dengan Kementerian Kewangan dengan Unit Perancang Ekonomi, dengan Bank Negara, beberapa syor dan kajian dibuat. Lihatlah begitu lama masa yang kita ambil dan

bagi saya telah melihat sebenarnya saya tidak bacakan semua rentetan peristiwa tabung 3F. Saya membuat kesimpulan bahawa banyak pihak merasakan ini bukan keutamaan kepada kita. Sebab itulah perkara ini tidak diambil satu yang serius dan juga di pihak peringkat bawahan memerlukan peruntukan tetapi keluhan mereka tidak sampai ke peringkat atas.

Ini kalau kita lihat dari segi tindakan dan juga urusan-urusan di peringkat jabatan, agensi dan sebagainya. Saya bukanlah hendak mengecil-gecilkan mana-mana pihak, cuma saya kira ini memang menjadi kenyataan kalau ada di antara pegawai-pegawai kita yang ada di sini, sama ada daripada Kementerian Pertanian ataupun daripada agensi-agensi pertanian. Saya sering mendengar banyak pihak menyatakan bahawa mereka tidak lagi menjadi sebagai satu kementerian dan agensi yang diberi perhatian boleh dikatakan mereka ini telah diabaikan, apabila diabaikan maka inilah yang terjadi.

Tindakan-tindakan kita agak lembap dan dengan itu, program-program yang kita susun kita tidak merasakan sebagai satu yang diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berwajib. Kita berharap apabila tabung ini diluluskan nanti, perkara ini tidak berulang kembali.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, dari segi bank. Saya juga menyemak bank-bank yang terlibat sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan di sini setelah perbincangan-perbincangan dijalankan daripada tahun 1997 sehingga 1998 ini lagi satu perkara yang agak malang bagi kita permohonan yang saya dapati di sini, permohonan daripada pertubuhan peladang yang memohon untuk tabung 3F cuma ada keluasan 184 hekta yang melibatkan lima pertubuhan peladang sedangkan kita tadi sebut kita ada beberapa ratus buah pertubuhan peladang.

Mungkin betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin tadi. Kita harus melihat kembali peranan Pertubuhan Peladang, peranan Pertubuhan Peladang Negeri, peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan dalam

soal ini. Saya dimaklumkan bahawa Pertubuhan Peladang Kebangsaan cuma terlibat dalam kegiatan ekonomi pertanian ini tidak sampai pun 20% ataupun di persekitaran 20%.

Saya kira dengan kemampuan yang mereka ada, mereka boleh meningkatkan peranan mereka dan juga mereka memerlukan sokongan terutamanya daripada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan di negara kita. Saya pernah juga hadir beberapa kali dalam mesyuarat-mesyuarat majlis peladang sebab saya mewakili majlis peladang bagi negeri Perlis. Saya agak kecewa dengan Unit Perancang Ekonomi yang hadir, hadir pun kadang-kadangnya kita nampak tidak bersemangat mungkin kerana pertanian ini satu bidang yang tidak produktif kalau dibandingkan dengan bidang industri dan bidang yang lain.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan. Apakah Yang Berhormat bercakap masalah bank ini, perkara ini sudah menjadi isu yang agak besar, apabila menteri dan timbalan menteri kita mengumumkan dana-dana termasuklah berkaitan dengan dana tabung, pinjaman tabung makanan ini, pihak-pihak bank kita sama ada bank itu milik kerajaan ataupun tidak.

Setakat ini tidak dapat menterjemahkan dengan baik dasar-dasar dan polisi yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Sehingga kadang-kadang ada Perdana Menteri bercakap masalah bank. Bank masih tidak patuh dan apatah lagi bank-bank yang dimiliki oleh kerajaan masih tidak dapat menterjemahkan dengan cepat. Oleh kerana kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi dan penyelesaian pun harus dilihat secara pendekatan yang luar biasa. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa bank-bank kita setakat ini tidak mematuhi dan tidak dapat menterjemah hasrat dan cita rasa pandangan pimpinan negara kita. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Saya memang bersetuju dengan pandangan tersebut dan saya pun memang hendak mengulas apa yang disebutkan oleh Yang

Berhormat sebentar tadi. Kemungkinan ada kaitan dengan apa yang saya sebutkan tadi. Ini yang saya lihat senarai permohonan mungkin yang diluluskan daripada beberapa buah pertubuhan peladang yang ada cuma lima pertubuhan peladang yang memohon daripada peruntukan ini mungkin permohonan mereka tidak diluluskan dan sebagainya. Saya akan pergi nanti dan akan mengulas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Di sini saya dapati kos projek sebanyak RM13 juta sahaja yang melibatkan lima pertubuhan peladang di Merapoh, Merapoh ini di Sabah? Pahang, maaf Tuan Yang di-Pertua, di Pahang. Benta pun di Pahang, Pahang yang banyak minta ini. Rompin pun dekat Pahang, ini semua banyak yang minta ini Pahang. Seri Kerdau - Pahang juga dan Pasta, saya tidak berapa nampak. Maknanya Pahang sahaja yang minta Tuan Yang di-Pertua, orang lain tidak minta negeri lain tidak minta. Ini yang saya dapat laporan yang diluluskan, ini satu persoalan yang kita harus kaji.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman yang diluluskan ataupun yang telah pun diumumkan oleh kerajaan bagi Dana ini kalau saya tidak silap kerajaan telah pun mengumumkan tiga kali peruntukan. Sekali peruntukan yang diumumkan di peringkat awal sebanyak RM300 juta, kali kedua telah pun diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta dan sekarang kita sedang membincangkan peruntukan tambahan RM300 juta. Ini menunjukkan commitment daripada kerajaan.

Kalau dulu memang saya merasakan bahawa kerajaan tidak mengambil perhatian dalam soal pertanian tetapi apabila berada di sini, melihat commitment kerajaan dalam memberi peruntukan, saya kira kerajaan memang memberikan commitment tetapi soalnya sekarang ini. Selain daripada sikap peladang, sikap pertubuhan peladang, sikap ataupun kurang kemampuan agensi-agensi pelaksana kita juga perlu melihat sikap bank.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli tadi, kita dapati bank-bank ini kurang memberikan sokongan kepada program ataupun kepada tabung diluluskan oleh kerajaan. Saya pernah bertanya dalam Dewan ini apa yang saya faham daripada penjelasan Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, Timbalan Menteri Kewangan bahawa bank-bank cuma mendapatkan peratus perk yang kurang daripada membiayai pinjaman yang merupakan pinjaman daripada dana kredit mereka sendiri.

Sudah tentu ini merupakan sebahagian social obligation bank yang berkenaan. Saya kira Kementerian Kewangan harus melihat peranan pihak-pihak bank ini kerana kalau tidak silap saya daripada kajian yang saya sebutkan tadi banyak bukan bumiputera yang dapat pinjaman ini. Ada bank yang disenaraikan sebagai mereka yang terlibat dalam pemberian dana ini. Kalau saya tidak silap sepuluh buah bank daripada bank agensi kerajaan dan juga perdagangan dan juga empat buah syarikat finance, Hong Leong Finance, Arab Malaysian Finance, Maybank Finance dan Public Finance.

Kalau saya tidak silap Hong Leong Finance telah pun mengambil tindakan dan peranan mereka sehingga ramai bukan bumiputera mendapat pinjaman kerana bukan bumiputera ini adalah merupakan pelanggan kepada bank yang berkenaan. Tetapi bank-bank yang lain kita tidak hendak salahkan yang bukan bumiputera kita tidak boleh salahkan Hong Leong Finance tetapi kita persoalkan bank-bank yang lain yang tidak ada satu semangat, tidak ada satu rasa pengorbanan demi untuk negara, agama dan juga bangsa ini saya kira pihak Kementerian Kewangan harus melihat soal ini kerana melalui pengalaman saya Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar pun ada di sini. Saya pernah buat satu projek, ini melalui pengalaman bukan saya beli daripada pengalaman orang lain.

Saya pernah membuat projek cendawan secara besar-besaran. Saya bersama-sama rakan-rakan dan juga bersama-sama dengan institusi kerajaan telah pun membawa masuk pakar daripada Taiwan untuk membuat kajian. Enam bulan

kita buat kajian, kita bawa menteri masuk dalam paper, melihat kajian tanaman cendawan dan pengesahan yang dibuat oleh pakar yang berkenaan bahawa cendawan yang kita tanam di negara kita boleh menghasilkan per square foot harvest ataupun kutipan hasil yang begitu lumayan.

Dan ini kita buat kerana dalam kawasan MADA yang mereka menanam padi, apabila padi diambil jerami dibuang begitu sahaja, kerana kita hendakkan nilai tambah kepada pengeluaran petani, kita perkenalkan projek ini. Kita minta kepada Bank Pertanian. Chairman Bank Pertanian pada waktu itu Datuk Abu Bakar Rautin, telah pun mengumumkan peruntukan ini dulu. Saya pun belikan semua barang-barang untuk keperluan projek yang melibatkan 50 orang petani untuk menjalankan projek, tetapi setelah 2 tahun pinjaman tak dapat. Pening kepala. Belanja telah pun kita keluarkan sebanyak RM300,000 siapa hendak tanggung. Waktu itu saya pegawai kerajaan, turun naik di Bank Pertanian, minta maaf kalau Pegawai Bank Pertanian berada di sini. Turun naik Bank Pertanian pinjaman diumumkan lulus, tetapi pada hakikatkan pegawai berkenaan kata tak viable, tak itu, tak ini, tak memenuhi syarat dan macam-macam alasan diberi. Dan projek ini terpaksa dalam masa 3 tahun, kita telah mengeluarkan 7 tan pengeluaran dan telah pun ditinkan di Butterworth, dan kita eksport ke Singapura. Projek itu viability, kalau kita hendak tengokkan viability, tetapi projek terpaksa tutup kerana kita mampu membiayai petani-petani yang terlibat dalam keadaan yang begitu bimbang dan ketakutan, mereka menanggung hutang. Dan selepas itu Parti PAS telah pun memainkan peranan yang begitu hebat, memutarbelitkan keadaan sehingga saya rasa berpanjangan, bertahun-tahun perkara ini dibangkitkan, dipersoalkan dan macam-macam peranan yang dibuat, sebab untuk kepentingan politik mereka. Dan projek ini terpaksa kita tutup.

Ini pengalaman saya sendiri Yang Berhormat Dato', sebab itulah kalau ditanya dalam soal bank ini, saya sendiri memikirkan ataupun ragu dengan keikhlasan bank untuk benar-benar membantu kita, untuk kita mengeluarkan

makanan yang mencukupi untuk negara. Mungkin soal viability satu perkara dalam bidang pertanian yang harus kita perhatikan, tetapi saya pun sekarang ini sudah jadi macam 'psycho' dengan projek-projek pertanian, rasa-rasanya semua tak viable, sebab kita sudah pernah menanggung keadaan yang demikian. Tetapi saya kira kalau projek pertanian tidak mempunyai viability bagaimana negara-negara lain, mereka boleh mengeluarkan produk-produk pertanian yang begitu produktif dan juga mereka boleh mengeksport keluaran-keluaran pertanian mereka. Saya juga bersetuju selain daripada pengeluaran kita perlu melihat soal-soal pemasaran, supaya mereka-mereka yang mengeluarkan bahan-bahan makanan ini juga mendapat hasil yang tinggi daripada pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyimpulkan ucapan saya ini sebelum saya pergi kepada perkara yang kedua, mengenai tanaman padi. Saya berharaplah apabila kita meluluskan peruntukan ini, pihak kementerian terutamanya Unit Perancangan Ekonomi, saya harap dapat memberikan satu panduan, penyeliaan, pemantauan yang sebaik mungkin supaya mereka yang berkepakaran dapat digemblengkan tenaganya.

Tadi Yang Berhormat Tuan Long Jidin menanyakan mana mereka-mereka yang berkepakaran? Saya kira ramai pun mereka yang berkepakaran, saya mengenali Dr. Noraziah, pakar dalam bidang pengeluaran roti dan kek, Dr. Zaidah pakar dalam pengeluaran makanan dan begitu juga dengan...., saya sudah lupa, pakar dalam koko, ini semua rakan-rakan dan kawan-kawan yang kita kenali. Mereka ini ada kepakaran, tetapi mereka pernah datang berjumpa dengan saya menyatakan bahawa walaupun mereka mempunyai kepakaran dalam bidang food technology, kepakaran mereka sekarang ini, tak dapat hendak dikembangkan kerana banyak masalah dan rintangan yang saya kira cuma pengemblengan, pemikiran, tenaga semua pihak barulah kita dapat meningkatkan pengeluaran yang berteknologi ini. Maknanya kita kena gabungkan bank sebagai pemberi pinjam, usahawan sebagai mereka yang

mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam pengeluaran dan juga orang-orang yang mempunyai teknologi ini supaya dengan gabungan dan jalinan tenaga ini dapat kita meningkatkan pengeluaran makanan kita.

Begitu juga kita perlu membuat satu polisi dan juga mengadakan satu, tak tahulah apa hendak sebut kalau budak sekolah kita sebut 'gerak gempur', gerak gempur matematik, kita kena buat gerak gempur pertanian, saya pun tak tahulah dalam soal ini kemungkinan kita perlu memikirkan ini kembali, dan kerajaan harus melihat kembali polisi ini. Saya bersetuju dengan pandangan saudara saya tadi supaya Dasar Pertanian Negara itu sendiri dikaji, terlalu banyak agensi, terlalu banyak politik yang tidak mengeluarkan hasil yang produktif kepada pengeluaran negara kita. Dan kita berharap Kementerian Pertanian akan mengambil peranan yang lebih cergas begitu juga dengan Unit Perancang Ekonomi sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita harap janganlah tengok projek yang besar-besar, mega-mega sahaja, projek kecil-kecil yang melibatkan rakyat dan juga pengeluaran makanan ini juga perlu diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, soal tanaman padi ini Tuan Yang di-Pertua tanaman padi di negara kita saya tak tahulah kawasan Yang Berhormat Dato Dr. Shafie di kawasan Sabak Bernam, dalam kawasan MADA saya tahu benar. Walaupun sekarang ini kita ada 63,000 orang peladang yang terlibat dengan penanam padi, sebenarnya pengeluaran padi di negara kita tidak berkualiti. Kita tidak mengamalkan teknologi tanaman padi yang menggunakan benih yang baik, pengurusan yang baik dan mengeluarkan grain atau padi yang berkualiti tidak berlaku dalam negara kita ini. Sebab itulah pengeluaran kita per tan begitu rendah sekali, pada hal saya pernah sebutkan bahawa di kawasan Sekinchan mereka telah boleh dapat hasil padi 9 tan, 7 tan, tetapi dalam kawasan MADA kita dapat 2.5 hingga 4 tan. Di Sarawak, Sabah pun lebih kurang begitu, begitu juga di KADA Kelantan. Kalau Tuan Yang di-Pertua melihat sawah padi kita sekarang bukan padi, kita tanam padi dengan sambau. Dan kita menjalankan

teknik 3T- tanam, tinggal dan tuai di mana menimbulkan satu kerugian yang besar kepada negara, kerana beras yang dikeluarkan bukan daripada tanaman padi yang benar-benar dijaga dengan elok dan kawalan rumpai dengan agronominya yang begitu terkawal dan hasil yang kurang dan grain yang tidak berkualiti.

Sebab itulah walaupun sekarang ini dasar kerajaan kita cuma mengeluarkan beras sebanyak 70% atau 60% dan yang lebihnya import. Dalam perniagaan juga mereka yang terlibat dalam perniagaan beras sebenarnya kita mendapat untung daripada beras import, dan kita terpaksa subsidise beras tempatan, kerana beras tempatan tidak berkualiti. Saya mintalah kepada pihak kerajaan supaya tabung 3F ini digunakan untuk meningkatkan kualiti pengeluaran makanan utama negara, iaitu pengeluaran beras negara, kerana sekarang ini kalau tidak digunakan tabung ini, walaupun kita ada pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan mereka memberikan cadangan supaya tanaman padi ini dibuat secara mini estet, secara estet dan secara kelompok tak dapat berlaku, kerana peladang-peladang yang terdiri daripada mereka yang telah berumur, lanjut usia, mereka tak mampu lagi untuk turun ke sawah, dan dalam masa yang sama mereka tak mahu menyerahkan kuasa menjalankan atau melaksanakan usaha tanaman padi kepada mana-mana pihak sama ada pihak pertubuhan peladang dan sebagainya. Kerana tidak ada satu pun offer ataupun timbal balas yang boleh diberi kepada peladang-peladang ini. Peladang-peladang ini berkata lebih baik mereka menjalankan tanaman ini sendiri, iaitu tabur benih tinggal walaupun dengan rumput dan dengan sambau, padi tak berkualiti, tetapi masih lagi dibeli oleh pihak BERNAS, pihak BERNAS terpaksa beli, ini polisi kerajaan yang tentukan. BERNAS terpaksa menentukan supaya tanaman ataupun padi yang dikeluarkan sama ada elok ataupun tidak harus dibeli oleh pihak BERNAS, ini dasar kita. Jadi peladang itu walaupun ia mendapat pendapatan yang sedikit walaupun ia tidak mengeluarkan keluaran yang produktif, ia masih mengusahakan, ia masih memegang sawah-sawah mereka dan susah bagi pertubuhan-pertubuhan peladang

ini untuk mengambil bahagian dan buat masa sekarang ini saya agak kecewa dan satu tanda tanya yang besar kepada saya, kenapa pihak-pihak pertubuhan peladang ini tidak menggunakan peluang tabung 3F. Dan saya berterima kasih kepada kementerian, dulu tabung 3F tidak diberi kepada tanaman padi, tetapi akhir-akhir ini setelah kita mengemukakan pandangan beberapa kali di Dewan telah pun diberikan. Saya berterima kasih, dan saya berharap supaya tabung ini juga diberi peluang kepada industri tanaman padi supaya kita mengeluarkan beras yang berkualiti. Walaupun kita masih perlu import tetapi saya kira beras yang berkualiti ini bukan sahaja dapat memberi pendapatan yang lebih kepada petani, tetapi akan dapat membangunkan industri itu sendiri, supaya kualiti beras kita berbanding dengan kualiti beras import dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua itulah sahaja pandangan-pandangan yang dapat saya kemukakan, saya mohon maaf kalau dalam ucapan-ucapan tadi saya ada menyentuh mana-mana pihak, sebenarnya niat dan tujuan saya adalah ikhlas dan apa yang sebutkan ini ialah sebagai satu pembelaan kepada sektor pertanian itu sendiri supaya keperluan makanan kita tidalah bergantung kepada luar. Kita pun bimbang, kalau kita banyak sangat bergantung kepada luar sedangkan kita tahu tak semua pihak luar menyokong kita, semua pihak menghadapi masalah-masalah yang tertentu. Dan makanan ini, kalau dulu adalah merupakan tanaman keselamatan, begitu juga dengan makanan ialah merupakan satu faktor keselamatan negara, saya percaya bahawa apa yang saya hendak sebut tadi ialah untuk memberikan sedikit pandangan dengan pengalaman-pengalaman yang ada, kalau boleh timbul natijah yang baik supaya semua pihak terbela, bukan sahaja pihak peladang, pihak kementerian, pegawai dan semua pihak terbela dan tabung ini dapat kita gunakan dengan sebaik-baiknya untuk keluaran makanan dalam negara kita, dan dengan itu saya juga turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli

5.00 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kerana bill ataupun Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998 dibentangkan pada hari ini. Ianya berkait rapat dengan dua perkara yang penting, yang terlibat secara langsung kepada negara dan rakyat iaitu tujuan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 ini dimaksudkan untuk bayaran subsidi bahan petroleum dan juga sumbangan kepada tabung makanan baru. Kita dengan ini menyokong penuh Akta Perbekalan Tambahan ini, cuma secara ringkasnya saya ingin memanjangkan sedikit beberapa isu yang perlu diperkatakan pada hari ini, khususnya dengan kedudukan industri petroleum di negara kita yang mempunyai hubung kait rapat dengan pengeluaran bahan-bahan kimia dan petroleum dan gas di negara kita.

Saya ingin menyokong kepada pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin selaku Menteri Tugas-tugas Khas pada 21 Julai baru-baru ini iaitu keseluruhan daripada Pelan Pemulihan Ekonomi Negara iaitu satu action plan, dengan izin, iaitu pelan tindakan yang disediakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Kegawatan ekonomi yang berlaku pada hari ini Tuan Yang di Pertua, berlaku dengan keadaan yang luar biasa dan pendekatan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara melalui pelan tindakan ini pun perlu dilihat secara tindakan luar biasa. Jadi tindakan luar biasa daripada kerajaan, swasta dan rakyat harus kita yakini semula bahawa pemulihan ekonomi yang kita hadapi ini insya-Allah akan kita tongkah dan harungi bersama dan insya-Allah masalah yang dihadapi oleh negara kita harus dan mesti serta wajib dihadapi secara bijaksana dan berani serta keyakinan yang penuh oleh pimpinan dan juga oleh rakyat di negara kita.

Tuan Yang di Pertua, pelaburan Petronas setakat ini melangkaui melebihi daripada RM8.2 milion di dalam sektor-sektor yang berkaitan dan Petronas sendiri menjadi satu organisasi yang exclusive, satu organisasi di bawah Akta Petroleum

1974. Petronas telah dapat memberi sumbangan yang agak utama di dalam membangunkan aktiviti petroleum tempatan dan kita mahu dalam kita melaksanakan pembangunan industri petrokimia dan petroleum di negara kita ini, kita tidak tahu sejauh manakah hasil yang akan kita dapat selepas ini daripada perut bumi dan perut laut kita dan ianya merupakan aset dan harta kepada generasi kita yang akan datang dan juga pada negara kita. Petronas telah memainkan peranan yang agak penting, yang maha penting sebenarnya di dalam merealisasikan tindakan di dalam action plan atau pelan untuk memulihkan ekonomi kita.

Tuan Yang di Pertua, di dalam kita menghadapi kegawatan ini kita tidak boleh lupa kepada satu aset yang penting kepada pembangunan negara iaitu asas utama kita dalam konteks sosial yang telah kita sama-sama bina di antara semua kaum di negara kita, khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan merapatkan jurang perbezaan di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Di dalam sektor petroleum dalam industri minyak gas dan petrokimia ini, Tuan Yang di Pertua, keterlibatan usahawan bumiputera khususnya dari segi industri di peringkat pembinaan dan juga di peringkat melaksanakan kilang-kilang agak kecil peratusannya. Mengikut rekod yang ada pada saya keterlibatan bumiputera di Malaysia ini tidak melebihi daripada 5% yang mana Petronas telah mempunyai dasar-dasar pembangunan usahawan bumiputera dalam bidang petroleum ini tetapi oleh kerana industri ini bersifat modal intensif ataupun intensif modal dan memerlukan kepakaran yang agak tinggi, maka di peringkat pelaksanaan kita berharap dengan garis panduan yang telah sedia ada di peringkat Petronas dan kerajaan sendiri, kita harus bersama-sama meletakkan usahawan bumiputera dalam pembangunan industri dalam petrokimia, minyak dan gas ini. Kerana akhirnya usahawan bumiputera harus dilihat sebagai aset negara kerana kegagalan bumiputera sebenarnya ialah kegagalan bukan bumiputera. Kegagalan bumiputera dalam mengambil sebahagian kek ekonomi dalam negara

kita adalah merupakan kegagalan bukan bumiputera. Jadi, kita berharap melalui konteks sosial yang telah kita jaminkan selama ini harus diperkukuhkan semoga usahawan-usahawan bumiputera harus diperkukuhkan dalam sektor petroleum ini.

Kita bersetuju sangat dengan pandangan yang dibuat dalam pelan tindakan Majlis Tindakan Ekonomi Negara iaitu muka surat 144 dalam buku pelan pemulihan tersebut iaitu supaya kerajaan mengkaji semula kemungkinan untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974 yang berkaitan dengan hak kuasa serta keistimewaan exclusive kepada Petronas bagi membolehkan syarikat-syarikat lain menyertai aktiviti mencarigali, mengeksploitasi, membangun dan mengeluarkan sumber petroleum. Cuma keputusan ini dibuat secara agak makro tetapi spesifikasi kepada kemungkinan kajian untuk meminda akta ini sekiranya ia boleh dilakukan oleh kerajaan, maka saya mencadangkan supaya apa jua bentuk berkaitan dengan hak, kuasa dan keistimewaan exclusive kepada pembangunan petroleum, minyak dan gas di negara kita ini harus meletakkan keistimewaan sebagaimana dasar yang sedia tercatat iaitu dengan keterlibatan secara total usahawan-usahawan bumiputera yang mempunyai kaitan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan minyak dan gas ini kita tidak mungkin banyak projek raksasa yang sedang terlaksana sekarang ini, tetapi ianya banyak berlaku dalam rancangan di Melaka. Sekarang ini banyak projek petrokimia sedang berlaku pembangunannya di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia khususnya di Terengganu dan Pahang. Penglibatan pekerja-pekerja dianggarkan daripada puluhan projek-projek yang tidak sangat raksasa, tetapi lebih kurang di antara RM300 juta hingga RM500 juta. Projek-projek ini telah diberikan kepada kontraktor utama kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang mana ahli kongsi melalui konsortium-konsortium yang disediakan di peringkat usahawan tempatan.

Saya mencadangkan kepada kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya keyakinan di peringkat pakar-pakar ataupun pandangan kerajaan dan juga Petronas khususnya supaya melibatkan secara total kontraktor utama sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera daripada syarikat tempatan. Apa yang berlaku sekarang ialah krisis keyakinan di peringkat pegawai-pegawai dan penilai serta juga perunding-perunding kita. Kita sendiri sebenarnya tidak yakin kepada kebolehan orang-orang kita. Pembangunan Petronas ataupun petroleum ini memerlukan teknologi yang agak sederhana dan tinggi. Tetapi sebenarnya keyakinan daripada kita sendiri harus diwujudkan supaya kita memulakan semula keyakinan yang pernah kita beri kepada usahawan-usahawan tempatan sama ada Cina, India ataupun Melayu.

Sudah sampai masanya semua projek raksasa yang akan dilaksanakan di negara kita yang khususnya berkaitan dengan pembangunan petrokimia ini harus diletakkan lead kontraktor, iaitu kontraktor utama mesti kita gagaskan dengan secara berkeyakinan dan dengan secara bersungguh-sungguh, dengan sedikit pengorbanan untuk melihat dan memberi keyakinan supaya kontraktor utama daripada negara kita untuk menerajui projek-projek yang agak raksasa di negara kita. Jadi, kontraktor utama haruslah meletakkan kepentingan secara mutlak kepada kontraktor utama dari negara kita. Maka kontraktor-kontraktor antarabangsa yang mempunyai kepakaran tertentu bolehlah diletakkan secara konsortium kepada lead kontraktor, kontraktor utama di negara kita.

Sudah sampai masanya, Tuan Yang di-Pertua, penterjemahan dasar yang kita kehendaki, iaitu line kedua, barisan kedua usahawan pertengahan, usahawan kecil. Usahawan pertengahan sama ada bumiputera atau tidak bumiputera dalam petrokimia pun masih kurang, sama ada bangsa Cina umpamanya, masih kurang untuk melibatkan diri dalam bidang petrokimia di negara kita. Apatah lagi usahawan bumiputera yang masih memerlukan dukungan serta sokongan kerajaan secara total. Jadi, sekiranya ada lead kontraktor, insya-Allah, satu masa kelak

penterjemahan dasar yang dikehendaki oleh kerajaan dapat kita mempertengahan barisan kedua dan juga barisan ketiga dan barisan-barisan yang lain usahawan kecil dan sederhana di semua peringkat khususnya dalam bidang petrokimia. Berkait dengan penglibatan 5% yang saya katakan peringkat awal tadi, insya-Allah, dalam sedikit masa lagi kita dapat meningkatkan peratusan usahawan bumiputera dalam bidang petrokimia yang kita sedang giat laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi berkaitan dengan pembangunan industri petrokimia di Pantai Timur sekarang ini, kita mempunyai anggaran daripada puluhan pembangunan di persekitaran Pahang dan Terengganu, di persisiran pantai. Nampaknya pekerja-pekerja bukan daripada rakyat Malaysia melebihi daripada pekerja-pekerja rakyat Malaysia. Setengah-setengah pekerja yang bukan dari rakyat Malaysia tidaklah merupakan pekerja-pekerja profesional atau pekerja-pekerja yang amat mahir. Tetapi melalui pemerhatian saya, seolah-olah ada satu kedudukan yang sedang dilaksanakan sekarang ini yang favouritism, dengan izin, kepada pekerja-pekerja luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini, saya dapati kedudukan agak gawat di pesisiran Pantai Timur, khususnya di persekitaran Terengganu dan juga sempadan Terengganu-Pahang. Di rantau Petronas itu sendiri banyak perkara yang berlaku lebih daripada 1,000 pekerja-pekerja subkontraktor khususnya rakyat tempatan tidak menerima bayaran yang sewajarnya. Laporan ini saya baru terima seminggu dua yang lalu. Sebab itulah saya berhasrat pada hari ini untuk menyatakan khususnya kepada Kementerian Dalam Negeri supaya memperhebatkan kedudukan operasi mereka, kerana Gas Processing Plant 5 dan 6 sudah dimasukkan cecair ataupun gasnya. Kegawatan yang berlaku ini memang menjadi masalah kepada beberapa pimpinan di peringkat daerah dan negeri. Jadi, kita takut pernah berlaku di situ beberapa bulan yang lalu krisis di antara pekerja sehingga berbunuhan. Beberapa orang sudah mati, sudah keluar surat khabar sehingga timbul di antara pekerja Sabah dengan pekerja

Terengganu walhal ianya merupakan masalah peribadi di antara pekerja dengan pekerja. Jadi, isu-isu ini harus dilihat.

Jadi, masalah pekerja yang mempunyai budaya berlainan, yang berada di kawasan rantau Petronas, pekerjanya ribuan. Memang masalah ini besar dan kedudukan anggota polis pun tidak ramai, kerana ianya melibatkan polis di peringkat daerah sahaja. Saya mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian berat kepada permasalahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing yang sedang bekerja di kawasan rantau Petronas ini, kerana lebih daripada 1,000 sebagaimana dakwaan yang telah dimaklumkan kepada saya bahawa beberapa bulan yang lalu mereka tidak dapat gaji yang sewajarnya. Jadi, saya bimbang perkara ini akan menjadi perkara yang di luar kemampuan dan kawalan kita, dan kita tidak mahu perkara-perkara yang tidak baik berlaku di dalam kita menjalankan kerja-kerja pembangunan khususnya di kawasan rantau Petro nas Terengganu dan juga Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya cadangkan pada hari ini, perakuan yang tercatat dalam pelan Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Kita tidak nampak secara bersungguh-sungguh khususnya di peringkat pelaksana agensi kerajaan. Saya mencadangkan kepada kerajaan di semua peringkat terutama sekali kementerian dan agensi-agensi termasuk kerajaan negeri bahawa pelan Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dibentangkan oleh kerajaan ini harus dilihat secara luar biasa dan tindakan-tindakan kita pun harus dijalankan dengan secara luar biasa. Kalau kita tidak menterjemahkan apa jua pelan tindakan ini sama ada pelan ini ianya akan menghasilkan secara terbaik ataupun tidak, tetapi dalam suasana kegawatan ekonomi yang kita harungi dan kita hadapi, kita mesti menongkah keputusan-keputusan dan penterjemahan dengan secara saksama di semua peringkat. Insya-Allah, pemulihan ekonomi negara kita ini, dengan keyakinan dan juga semangat baru yang diberikan oleh pimpinan negara, dengan keyakinan baru oleh rakyat di semua peringkat, kita mahu pelan pemulihan

ekonomi negara ini dilaksanakan khususnya di peringkat kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan dengan secara luar biasa. Kita mahu pengorbanan di semua peringkat dapat kita laksanakan, kerana kita tidak boleh bergantung kepada orang lain lagi. Kita mesti bergantung melainkan kepada Tuhan yang menjadikan kita. Kita mesti bergantung kepada kebolehan, keberanian dan kebijaksanaan kita.

Saya dengan ini menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

5.20 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 pada petang ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail serta Kerajaan Malaysia di atas kepercayaan yang diberi kepada saya sebagai Ahli Parlimen hingga kehari ini.

Saya katakan di sini sedemikian selama enam tahun saya di sini seperti rakan-rakan lain, kini tibalah masanya untuk saya mengucapkan 'Selamat Tinggal' dalam perjuangan. Terus terang saya katakan walaupun sedih untuk meninggalkan Dewan yang mulia ini, namun perpisahan tetap tiba jua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan semua kakitangan Parlimen yang sentiasa memberi kerjasama dan pertolongan dalam semua aspek. Terima kasih saya kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersyukur saya kepada Allah atas nama perjuangan saya untuk agama, bangsa dan negara telah menjadi kenyataan. Saya berharap bak kata pepatah Melayu, “Harimau mati meninggalkan belang”, untuk diri saya mudah-mudahan dapat saya tinggalkan nama yang harum yang boleh dikenangkan sepanjang zaman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pejuang, walaupun dalam usia yang seumur ini, sebagai seorang serikandi saya merasa amat sedih dan marah di atas sikap sombong dan provokasi negara Singapura yang tidak habis-habis – tidak tahu menjaga hati negara jirannya serta tidak pernah menghormati negara-negara jiran. Ini disebabkan Singapura sudah lupa asal-usul keturunannya. Jika seseorang itu sedar dari mana datangnya, ia sudah pasti menjadi seorang manusia yang bijak. Singapura sepatutnya menghormati Malaysia seperti saudara kandungnya sendiri kerana kedua-dua negara mempunyai hubungan bukan baru tetapi sejak dari dahulu lagi. Pemimpin dan media negara itu tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan yang bersifat tidak menghormati langsung perasaan negara lain semata-mata untuk mempopularkan diri dan media untuk mendatangkan keuntungan besar atas tajuk-tajuk yang tidak munasabah. Seolah-olah Singapura tidak ada modal lain untuk mendapatkan populariti baginya. Sebagai rakyat Malaysia kita harus menyokong penuh pendirian tegas kerajaan dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, program-program atau rancangan-rancangan TV dan Radio harus memberi perhatian dalam perkara yang seterusnya ini. Program *Kuliah Subuh* dan rancangan-rancangan agama lain yang disiarkan di kedua-dua stesen TV dan Radio seperti RTM1 dan 2, TV3 dan sebagainya amat baik sekali. Saya berharap sesuatu yang baik itu jangan kita lalaikan untuk memperbaikinya lagi. Contohnya, *Kuliah Subuh* di Radio, kalau didengari dengan teliti banyak faedah yang boleh diperolehi untuk semua golongan – tua, muda, remaja mahupun kanak-kanak. Sayangnya, persoalan sekarang berapa ramai orang yang

berpeluang untuk mendengar walaupun waktu siarannya memanglah betul iaitu sebelum azan subuh. Perkara ini tidak harus didiamkan begitu sahaja. Cari jalan supaya lebih ramai orang boleh mendengarnya. Oleh itu, alangkah baik jika *Kuliah Subuh* disiarkan seperti biasa dan kemudian diulang-tayangkan lagi pada tiap-tiap hari sebelum Azan Maghrib pula di mana pada ketika itu ramai remaja atau kanak-kanak berada di rumah menonton rancangan lain seperti kartun ataupun sitcom dan sebagainya dan kemudian disusuli pula dengan kuliah-kuliah yang baik ini. Program seperti *Hal Ehwal Islam* cukup bagus. Program *Al-Kuliyah* tidak kurang hebatnya. Program-program ibadat seperti ini jika dapat diulang-tayangkan siarannya pada waktu-waktu yang sesuai amatlah baik sekali daripada rancangan-rancangan hiburan yang meleakakan. Jika inginkan generasi yang baik, selain daripada makanan yang baik, pelajaran yang baik, rupa bentuk dipertunjukkan juga boleh mempengaruhi golongan remaja kita ke arah positif.

Kementerian Penerangan sudah banyak kali diberitahu supaya mengambil perhatian atas perkara ini. Jangan terlalu asyik dengan memperbanyakkan lagu dan drama yang tidak mendatangkan sebarang perubahan positif. Dari mula saya memegang jawatan Ahli Parlimen ini sampailah sekarang, Kementerian Penerangan dilihat seolah-olah tidak kesah sahaja. Yang cantiknya saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya, suka benar saya mendengar jawapan daripada kementerian-kementerian termasuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen – cadangan rakan-rakan dan saya selalu dikatakan cadangan yang sangat baik, “Kami akan ambil perhatian dan tindakan” tetapi malangnya kira punya kira bak kata orang Pulau Pinang, ‘Sampai la ini pun belum diambil tindakan.’ Saya harap pada kali ini ucapan saya ini akan berkesan hendaknya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya lebih banyak dan kerap mendampingi para pendidik dan sekolah sahaja sejak saya menjadi ibu Asrama Puteri Kelang, dengan izin, matron, hingga saya bersara, maka sudah tentu saya

lebih berminat dengan pendidikan di negara ini. Maka, dengan sebab itu saya banyak mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dato' Seri Haji Mohd. Najib – Menteri Pendidikan kita kerana banyak perubahan yang dilakukan terhadap perkembangan pendidikan di negara ini. Paling terakhir sijil terbuka SPM akan dilaksanakan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib sebelum saya meninggalkan Dewan iaitu, pertama, sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh pihak sekolah yang melaksanakan persekolahan satu sesi seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu. Adakah sistem persekolahan ini akan diteruskan juga walaupun terdapat kekangan dan masalah seperti kekurangan bilik darjah dan sebagainya.

Kedua, mengapakah Kementerian Pendidikan menutup sebahagian besar sekolah vokasional semata-mata hendak menjadikannya sekolah teknik. Ramai pendidik mengeluh dengan tindakan ini. Adakah kerana Kementerian Pendidikan lebih mengutamakan pelajar pintar dan pandai sahaja? Kementerian memberi segala kemudahan kepada kira-kira 20 peratus pelajar pintar dan pandai di sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah menengah sains dan sekolah teknik tetapi kementerian memberi bebanan tugas kepada guru-guru di sekolah harian biasa dengan pelbagai cara iaitu pelajar sederhana dan lemah dimuatkan di kelas yang kadangkala melebihi 45 orang sekelas berbanding dengan 25 orang sekelas di sekolah berasrama penuh atau sekolah menengah teknik. Pelajar yang lemah dalam akademik dipaksa juga mengambil mata pelajaran akademik di sekolah harian biasa sedangkan mereka ini berpotensi dalam bidang vokasional atau kemahiran tangan yang lain. Jika mereka ini dimasukkan ke sekolah vokasional, saya pasti mereka akan berjaya, lebih berminat untuk belajar dan peluang pekerjaan untuk mereka dalam sektor industri di negara ini terbuka luas. Saya

berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan memikirkan semula untuk memperbanyakkan sekolah vokasional di negara ini – bukan menutup sekolah vokasional seperti yang diamalkan sekarang demi untuk anak-anak remaja kita yang bakal mewarnai ekonomi negara pada masa akan datang.

Jika mereka yang lebih berminat dalam vokasional tetapi dipaksa belajar di sekolah akademik, maka sudah tentu mereka bosan dan benci dengan guru yang akhirnya mereka ponteng sekolah dan melibatkan diri dengan segala macam aktiviti sosial yang tidak sihat. Cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan kalau seorang pelajar cuma mendapat 2D dalam PMR dipaksa mengambil sekurang-kurangnya 6 mata pelajaran akademik. Bagaimana boleh mereka mendapat gred tiga dalam SPM. Bolehkah pelajar ini lulus, tentu sekali tidak tetapi pelajar ini boleh belajar, berjaya jika mereka dibimbing dalam bidang vokasional. Saya berkeyakinan bahawa setiap insan yang dilahirkan ke bumi ini mempunyai keistimewaan masing-masing yang tersendiri. Jika otaknya lemah untuk mengingatkan 1001 fakta dalam bidang akademik, tetapi tangan mereka dapat melaksanakan tugas lain yang lebih hebat, insya-Allah.

Ketiga, saya ingin ungkit kembali yang lama, hal yang pernah saya kemukakan beberapa tahun lalu iaitu mengenai cadangan saya supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan atau mewujudkan bahagian pembangunan fizikalnya sendiri yang dianggotai oleh jurutera, arkitek, juruteknik, juruukur dan jurunilainya sendiri supaya semua urusan yang berkaitan dengan pembangunan fizikal sekolah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan sendiri, bukan diserahkan kepada pihak JKR semata-mata. Kita tahu semua kerja berkaitan infrastruktur dan pembangunan institusi kerajaan dibuat oleh JKR. Mungkin oleh kerana minat terhadap JKR oleh jabatan/kementerian begitu tinggi, maka harga tender yang dikeluarkan oleh JKR juga agak tinggi. Sebagai contoh, kos kerja mengubah ruang dewan makan yang diberi terus kepada kontraktor-kontraktor kepada sekolah cuma dalam lingkungan RM42,000 - RM45,000 sahaja tetapi

tender JKR meningkat kepada RM55,000 dalam kegawatan ekonomi sekarang. Saya berharap cadangan saya dahulu akan dikaji semula oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baik-baik agar peruntukan perbelanjaan yang berbilion ringgit untuk Kementerian Pendidikan ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk anak didik kita juga. Modal yang kita taburkan ini janganlah dipersia-siakan atau dibazirkan.

Keempat, saya juga berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan menilai dan mengkaji matlamat dan tujuan penubuhan sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains dengan situasi pelaksanaannya. Saya yang sebenarnya pada hari ini, saya mendapat tahu bahawa lebih ramai ibu bapa yang kaya-raya termasuk anak-anak Dato' yang masuk ke sekolah berkenaan melalui pintu belakang. Sejauhmana kebenaran ini saya tidak pasti sama sekali tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita agar dapat memberitahu Dewan ini pecahan pelajar sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains mengikut status sosio-ekonomi ibu bapa mereka. Jika boleh, saya berharap pemilihan pelajar ke sekolah-sekolah tersebut mestilah kembali kepada matlamat asal iaitu memberi peluang pendidikan yang lebih sempurna kepada pelajar luar bandar. Bukan kepada pelajar yang dapat 5A dalam UPSR atau 8A dalam PMR. Adalah tidak adil bagi pelajar yang mendapat 5B dari sekolah luar bandar yang tidak pernah menghadiri kelas tuisyen - tidak ada langsung atau mengikuti program motivasi disamakan dengan yang mendapat 5A dari sekolah di bandar yang tersedia dengan segala-gala kemudahan pembelajaran dan pengajaran. Para guru yang selama ini mencurahkan bakti untuk mendidik anak-anak kita turut juga merungut tentang kemasukan anak-anak mereka ke sekolah berasrama penuh. Adakah Kementerian Pendidikan memberikan keistimewaan kepada anak-anak guru untuk memasuki sekolah ini. Jika ada, berapa ramai dan jika tidak, adakah Kementerian Pendidikan bercadang membina sekolah berasrama penuh khas untuk anak-anak guru.

Kelima, saya juga mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana Kementerian Pendidikan akan melaksanakan sekolah bestari, dengan izin, 'smart school' di 90 buah sekolah di seluruh negara pada tahun hadapan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita kerana memberi peruntukan RM1 bilion untuk Kementerian Pendidikan bagi membolehkan semua program yang dirancang disempurnakan termasuk sekolah bestari ini. Daripada 90 buah sekolah yang dicadangkan ini, berapa buah sekolahkah dari kawasan luar bandar yang terlibat? Adakah pelajar sekolah bestari yang akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM nanti akan menjawab kertas soalan peperiksaan yang berlainan daripada kawan mereka di sekolah lain dan dalam kegawatan ekonomi seperti sekarang ini, bolehkah Kementerian Pendidikan melaksanakan sekolah bestari di seluruh negara seperti yang dirancang?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan Menteri serta Yang Berhormat Ahli Dewan sekalian, oleh kerana ucapan saya pada hari ini merupakan ucapan terakhir saya di Dewan yang mulia ini, maka saya dengan rasa rendah hati memohon ampun dan maaf daripada semua Menteri, Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini atas segala kesilapan, kesalahan yang telah saya lakukan sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja, sama ada melalui tuturkata saya ataupun tingkahlaku saya semasa kita bersama-sama berhujah di dalam Dewan yang mulia ini atau di majlis rasmi yang lain.

Saya percaya dan berpegang teguh kepada niat mestilah ikhlas, bercakap mestilah benar dan bekerja mestilah jujur kerana saya sentiasa berdoa supaya kerja saya ini iaitu memberi pandangan dan teguran serta sedikit sebanyak cadangan di dalam Dewan yang mulia ini selama 2 penggal diberi pahala oleh Allah S.W.T. sebagai telah menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dan ditakdirkan olehNya. Saya juga mendoakan kesejahteraan semua Yang

Berhormat Ahli Dewan supaya sentiasa dapat berbakti kepada Allah dalam kandungan sihat supaya dapat terus berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara. Segala bantuan dan teguran yang diberikan kepada saya oleh Ahli Dewan termasuk Tuan Yang di-Pertua – yang baik itu mestinya dari Allah dan yang buruk itu dari saya sendiri. Insya-Allah kita akan berjumpa lagi, bukan di Dewan yang mulia ini tetapi di tempat atau majlis lain pula.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya sampaikan dua rangkap pantun:

*Berjalan-jalan di dalam pekan
Sambil membeli buah rambutan
Budi baik Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan
Takkan saya lupa, sentiasa dalam ingatan*

*Minum kopi di dalam cawan
Cawan dicuci di tepi perigi
Terima kasih tuan-tuan dan puan-puan
Panjang umur kita berjumpa lagi*

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.42 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membangkitkan lima isu mengenai tabung makanan yang telah pun dikemukakan oleh pihak Kementerian Kewangan yang kita sambut baik kerana ianya adalah salah satu daripada usaha untuk kita mengatasi masalah dalam kegawatan ekonomi seterusnya mengatasi masalah makanan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya berpendapat bahawa perlunya dasar pertanian negara seperti mana juga yang telah dicadangkan oleh rakan-rakan yang lain perlulah dikaji semula dan diberi pendekatan-pendekatan baru. Kita banyak juga melihat bagaimana dasar pertanian negara luar, contohnya European Union

yang dalam perbincangan-perbincangan European Union, pertanian adalah satu agenda yang begitu penting dan kita dapati bahawa dalam negara ini seperti mana kita lihat pertanian agak kurang diberi perhatian kerana kita lebih menekankan kepada industri. Tetapi pada hemat saya adalah wajar dan telah tiba masanya walaupun mungkin kita telah banyak melalui pelbagai pengalaman bahawa pertanian perlulah merupakan agenda utama.

Kalau kita lihat dalam MTEN saya dapati juga bahawa dalam enam objektif yang dikemukakan mungkin ada yang saya tidak terbaca dengan secara detail bahawa dalam pemulihan sektor-sektor yang dicadangkan, pertanian tidak mendapat keutamaan mungkin ini dalam jangka pendek tetapi saya inginlah menyarankan kepada MTEN jikalau ianya tidak diberi perhatian yang wajar perlulah diberikan perhatian yang wajar. Mungkin secara jangka panjangnya kita perlulah mengadakan pakatan di peringkat Asia jika tidak ASEAN untuk mewujudkan satu pakatan pertanian agar kita dapat mewujudkan dasar pertanian ASEAN kalau tidak Asian yang mana kita boleh bekerjasama untuk menentukan bahawa tabung makanan kita di rantau ini dapat dipastikan mencukupi dan adanya kerjasama yang lebih erat sama ada dari segi transfer of technology, transfer of knowledge, kemahiran dan sebagainya.

Saya tahu ramai di antara rakan-rakan dahulu pun banyak memperkatakan mengenai bagaimana kita mengkagumi contohnya di negara Thailand banyak menghasilkan buah-buahan dan sebagainya yang mana kita tidak dapat menghasilkan. Jadi mungkinlah adanya satu pakatan sebagaimana kita mengadakan pakatan-pakatan lain dengan negara-negara ASEAN di peringkat pertanian juga perlulah dibuat satu perancangan dan pakatan yang lebih terperinci dan lebih menyeluruh untuk rantau kita untuk masa depan dan kini. Dan mungkin seperti kita menghadapi kegawatan ekonomi adanya masalah pertukaran kewangan mungkin boleh kita mengamalkan barter trading dalam pertanian.

Saya juga ingin menyentuh tentang dasar pertanian negara ini perlulah juga kita melihat kepada komitmen agensi-agensi yang ada yang begitu banyak seperti mana yang diperkatakan oleh rakan-rakan yang terlebih dahulu daripada saya yang perlu juga diberi kajian semula dan juga mungkin perlu disepadukan agar dapat ianya lebih berkesan dan lebih memberi manfaat terutamanya dari segi objektif-objektif yang perlu dicapai selain daripada kita mengurangkan perbelanjaan dalam membiayai agensi-agensi yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya juga ingin menyentuh tentang sumber manusia yang terlibat dalam pertanian. Ini kita lihat bahawa banyaknya kegagalan dalam projek-projek pertanian ialah sebab kurangnya sikap yang positif dan juga komitmen yang tinggi untuk memastikan bahawa objektif-objektif pertanian ini dapat dicapai. Mungkin kita boleh lihat bahawa sikap dan komitmen ini sepatutnya adalah merupakan satu sikap dan komitmen yang sedia ada atau natural commitment dan sikap kerana kalau kita kaji dari sejarah bahawa orang Melayu sebenarnya adalah asal ceritanya adalah dari golongan petani tetapi malangnya mereka tidak pernah dapat mencapai satu tahap profesionalisme yang boleh memberikan mereka satu tahap pertanian yang boleh dibanggakan dan ianya boleh memberikan kemewahan atau kesenangan hidup yang sepatutnya boleh diperolehi jika benar-benar komitmen dan sikap itu terus ditanam dan seterusnya dihidupkan dan disuburkan dengan semangat yang baik.

Jadi saya ingin mencadangkan bahawa pertanian diberikan satu imej baru dengan galakan-galakan dan juga memberikan kepada sektor pertanian ini satu pendekatan yang baru di mana budaya tani ini dilihat sebagai satu budaya komersial, budaya tani komersial untuk dilihat bukannya ia sebagai satu sektor yang jikalau kita gagal dalam sektor yang lain maka kita akan kembali kepada pertanian. Tetapi ianya perlulah dilihat sebagai satu profesion yang mempunyai nilai yang tinggi dan dapat memberi pulangan komersial yang tinggi dan mungkin ini boleh dipupuk dari sekolah-sekolah. Dahulu sekolah-sekolah ada membuat

program cucuk tanam dan sebagainya, tetapi sekarang tidak ada lagi, mungkin kerana kita lebih mementingkan matematik dan sebagainya, walaupun kita setuju matematik dan teknologi itu penting tetapi teknologi juga perlu dilihat daripada teknologi pertanian, sains pertanian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya saya ingin menyentuh tentang aspek kewangan atau pembiayaan yang mana ianya adalah mempunyai kaitan rapat dengan apa yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan mewujudkan tabung makanan sebanyak RM300,000. Di sini saya ingin menyatakan bahawa oleh kerana pertanian ini merupakan satu industri yang pulangnya agak lambat, ianya tidak dapat menarik perhatian peniaga-peniaga kerana ianya tidak dapat dilihat memberikan keuntungan atau pulangan yang cepat. Banyak korporat tidak akan berminat untuk memasuki bidang pertanian kerana salah satu sebabnya ialah pulangan yang lambat selain daripada labour intensive dan sebagainya, tetapi juga kita lihat bahawa daripada aspek kewangan juga kalau tadi rakan-rakan saya seperti Yang Berhormat Mastika mengatakan bagaimana sikap bank dan juga sikap tabung-tabung makanan yang suka lewat-lewatkan kelulusan ataupun tidak memberi kelulusan atas sebab-sebab yang tertentu, kita dapati bahawa memanglah bank-bank juga mempunyai sikap negatif yang sama. Saya juga telah berkesempatan untuk pergi ke bank menanyakan tentang Tabung Industri Kecil dan Sederhana yang memberi peruntukan untuk agro-based industry, industri berasaskan pertanian. Apabila kita tanya daripada pihak bank tentang dana ini mereka tidak pun menanyakan apa-apa melainkan apakah sekuriti yang anda boleh beri. Jadi sikap bank itu sendiri yang tidak menggalakkan, belum lagi kita tanya apa-apa pun, dia tanya apa sekuriti yang boleh kita beri.

Tuan Yang di-Pertua, dari konteks ini tentu sekalilah, itu saya yang bertanya, mungkin saya ada sekuriti tetapi kalau petani-petani atau usahawan-usahawan yang mungkin mempunyai hasrat untuk mengembangkan pertanian mereka, tentu sekalilah mereka tidak akan lagi bertanya.

Itupun ramai yang tidak suka pergi ke bank kerana masalah-masalah membayar balik, faedah, syarat-syarat dan sebagainya. Tetapi bank sendiri tidak memberi apa-apa galakan, yang penting bagi bank ialah apakah pulangan yang ia dapat dan apakah sekuriti yang boleh diberi kerana bank itu sendiri tidak mempunyai keyakinan tentang pembiayaan atau dana yang akan dikemukakan.

Dan saya dapati di bank-bank juga untuk pengetahuan pihak Kementerian Kewangan, tidak juga memberi maklumat-maklumat sepertimana yang perlu diberi, tidak ada apa-apa iklan sekali pun di bank-bank yang menunjukkan wujudnya dana, terpaksa kita tanya dan sebelum kita dapat bertanya pun dia sudah tanya apakah sekuriti dan dokumen-dokumen dan brochures seperti ini memang ada tetapi ianya disimpan di dalam pejabat. Jadi, kalaulah pihak Kementerian Kewangan begitu berusaha untuk memberikan tabung-tabung dan juga memberikan peruntukan kewangan, begitu jugalah kita dapati tidak ada sambutan bukan hanya dari orang yang hendak menggunakan kemudahan tetapi pihak yang hendak memberi kemudahan.

Jadi, perlulah adanya satu tindakan yang lebih agresif dari pihak kementerian, jika ianya benar-benar bersungguh-sungguh dan berkomitmen untuk bersama-sama membangunkan sektor pertanian yang kini wujud. Kalau kita lihat ada banyak masalah, saya rasa syarat-syarat yang dikenakan ini pun memang syarat-syarat yang begitu ketat, kalaulah ikhtiar boleh memberikan begitu ramai pengusaha-pengusaha terutamanya wanita tanpa cagaran dan mereka begitu berjaya dalam perniagaan mereka walaupun kecil, itu menunjukkan bahawa syarat-syarat yang begitu ketat terutamanya untuk mendapatkan sekuriti-sekuriti adalah merupakan satu syarat yang begitu berat dan lagi pun kita tahu kalau orang Melayu yang mahu mengambil pinjaman bank, kita ada lagi satu masalah mengenai pembiayaan wang untuk sekuriti iaitu tanah-tanah kepunyaan para petani atau petani-petani yang berpotensi ataupun berminat untuk memajukan tanah mereka biasanya adalah merupakan tanah harta pusaka dan kita tahu kalau

tanah harta pusaka, ia akan merupakan tanah yang akan dipunyai atau dimiliki oleh beberapa orang kerana mengikut undang-undang faraid ianya akan dibahagi-bahagikan.

Jadi, masalah tentang tanah ini memang masalah yang begitu rumit dan jikalau kita melihat kepada pembiayaan kewangan, maka tentu sekalilah ramai di antara mereka tidak akan berkeupayaan untuk memberi sekuriti atau collateral dari segi tanah. Mungkin ada syarikat-syarikat yang telah mereka cuba memajukan tetapi masalah ini adalah merupakan masalah yang ketara terutama di kalangan bumiputera.

Saya ingin mencadangkan daripada konsep faraid ini mungkin pihak Majlis Agama Islam perlu mengkaji apakah sebenarnya tafsiran faraid, adakah ianya bermakna bahawa kita perlu membahagi-bahagikan tanah itu kepada beberapa orang ataupun boleh ditafsirkan sebagai pembahagian mengikut apa yang boleh dihasilkan kerana pendekatan baru perlu dibuat. Ini bukanlah satu masalah yang saya anggap atau saya fikirkan tetapi ianya adalah masalah yang sebenar.

Di kampung saya ada mereka yang telah mengupah sebuah syarikat untuk memajukan tanah untuk tanah pertanian tetapi apabila tiba untuk memberikan 'power of attorney' sama ada untuk sekuriti ataupun untuk memberikan kuasa untuk membangunkan tanah yang berkenaan, mereka akan berhadapan dengan masalah ini. Ini kalau kita hendak perhatikan adalah merupakan satu masalah. Perlulah dikaji dan perlulah diberikan satu pentafsiran yang baru, bukannya saya mencadangkan bercanggah dengan Undang-undang Islam tetapi ianya perlulah memberi satu tindakan yang positif.

Selain daripada itu juga, saya juga ingin mencadangkan dari segi kewangan pembiayaan ini, kerajaan juga perlulah membuat kajian, apakah sebab-sebabnya mengapa pertanian itu begitu tidak diminati, kalau kita pergi ke kampung-kampung macam-macam dalih yang dibuat kerana tidak memajukan pertanian. Perlulah adanya satu Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) mengenai sebab-

sebab mengapa pertanian itu tidak menjadi satu perkara yang diminati, ramai yang mengatakan sebab masalah babi hutan dan pelbagai masalah, saya tidak tahu sama ada ianya merupakan betul masalah ataupun dalihan, tetapi perlulah pihak Jabatan Pertanian di negeri-negeri ataupun di peringkat Persekutuan mengkaji dan mencari jalan mengatasi, bukan hanya kita memberitahu kepada orang ramai supaya bercucuk tanam dan sebagainya dan membuat pertanian secara besar-besaran, tetapi tidak membantu bagaimana mengatasi masalah-masalah yang kita ingat hanya merupakan masalah atau dalihan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya inginlah mencadangkan, yang ketiga ialah dari segi imej pertanian yang telah saya sebutkan tetapi saya masih mahu menekankan tentang imej pertanian ini yang perlulah dilihat satunya seperti yang saya katakan tadi dijadikan budaya tani komersial dan perlu juga kita kaji tentang pemasaran hasil-hasil pertanian. Banyak di antara kita yang mungkin agak tidak mahu memasuki bidang pertanian kerana kesukaran pemasaran barangan pertanian.

Kita tahu bahawa kita ada FAMA dan sebagainya dan kita juga ada Pasar Tani, tetapi adakah ianya mencukupi dan adakah ianya menyeluruh dan adakah mungkin pihak Kementerian Pertanian perlu melihat kepada cara-cara baru pemasaran barangan pertanian, sebabnya saya berpendapat ini juga adalah satu daripada masalah yang dihadapi oleh petani.

Saya juga ingin mencadangkan untuk mempertingkatkan imej pertanian, radio dan televisyen dan juga bidang akhbar perlulah memberikan lebih banyak penyebaran tentang pentingnya pertanian, mungkin perlu ditukar nama pertanian. Perlu dilihat dari segi agama, ekonomi, politik dan juga sosial dan kita juga tahu bahawa Universiti Pertanian pun sudah tidak wujud sebagai Universiti Pertanian mungkin perlu diwujudkan dengan nama-nama baru dengan lebih saintifik dan berteknologi.

Saya juga ingin mencadangkan jikalau kita ada sekolah asrama sains, MARA contohnya mungkin Jabatan Pertanian boleh mengadakan sekolah berasrama teknologi makanan atau pertanian yang khusus untuk mempertingkatkan pertanian kerana kalau kita melihat ada sekolah menengah sains, kita telah berjaya melahirkan anak-anak yang bijak bestari dalam sains dan juga kita mungkin ada sekolah vokasional tetapi kita belum lagi menghasilkan sekolah-sekolah berasrama yang memang berteraskan teknologi tani kerana saya rasa bukan semua anak-anak kita itu perlu masuk sains, bukan semuanya yang perlu menjadi engineer tetapi mungkin engineer science atau mungkin boleh kita namakan mereka anak-anak yang menjadi engineer tani dan ini insya-Allah mungkin akan menambahkan lagi nilai pertanian yang begitu penting kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan dan memberi ingatan bahawa apa pun dilihat sebagai pertanian itu kita tidak dapat lari daripada betapa pentingnya makanan kepada manusia dan perlulah kita memberi pendekatan-pendekatan baru, jika tidaknya kita memberi alternatif-alternatif baru kepada jenis makanan yang kita makan, mungkin kita perlu melihat kepada diet-diet baru supaya makanan yang susah ditanam atau tidak memberi pulangan yang baik boleh diganti dengan makanan yang sama khasiatnya tetapi mungkin boleh ditanam dengan cara yang lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

6.00 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 untuk membolehkan kerajaan

menggunakan sejumlah RM400 juta daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Maksud B.29 Perkhidmatan Perbendaharaan iaitu tambahan sebanyak RM100 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petroleum dan RM300 juta untuk membiayai pemberian kepada tabung makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap terlebih dahulu daripada saya dalam banyak hal. Ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh. Pertamanya bersangkutan dengan subsidi bahan-bahan petroleum sebanyak RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perolehan negara pada masa kini lebih-lebih lagi apabila menghadapi keadaan kegawatan ekonomi banyak bergantung kepada petroleum. Kita tahu kerajaan juga melalui syarikat induk Petronas iaitu sebuah syarikat yang mana kerajaan mempunyai ekuiti di dalamnya, menjalankan perusahaan petroleum dengan kerjasama beberapa syarikat yang dimiliki oleh Amerika Syarikat dan beberapa kerajaan negara lain termasuklah usahasama dengan kerajaan Thailand di sebelah Laut China Selatan berhampiran dengan sempadan negeri Kelantan sekarang ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu negeri-negeri di Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah dan mungkin Perak dan sebagainya yang juga mempunyai sempadan-sempadan Selat Melaka di sebelah Pantai Barat dan Pantai Timur, saya tidak tahu apakah syarat-syarat bagi membolehkan negeri-negeri ini mendapat royalti daripada hasil minyak sebab kita tahu sempadan laut ini setakat mana hadnya bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Misalnya jika di Laut China Selatan dan kalau di laut berhampiran dengan Pulau Langkawi kalau ada hasil minyak, sepatutnya negeri Perlis juga patut dapat dan bukan hanya negeri Kedah, negeri Terengganu dan negeri Kelantan sahaja. Ini perlu dipertimbangkan supaya negeri-negeri yang dianggap miskin ini juga mendapat sumber hasil yang lain daripada apa yang kita perolehi sekarang ini. Jadi kerajaan perlu melihat perkara ini supaya hasil-hasil yang saya sebutkan tadi dapat diagihkan secara adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan supaya di sempadan-sempadan seperti di Indonesia, Vietnam, Laos dan Kemboja kerajaan harus mengadakan usahasama termasuklah dengan negara China sendiri di mana kawasan sempadan lautnya menjadi pertikaian di antara negara-negara ini. Janganlah kita biarkan disebabkan kepentingan untuk mendapatkan satu-satu tempat itu kerana kita jangka ada hasil minyak di dalamnya, kita sanggup mengambil jalan-jalan yang menyulitkan. Kita hendaklah mencari jalan menubuhkan syarikat dan biarkanlah ekuiti yang kita pegang itu, kalau tidak sama banyak pun kita juga boleh mendapatkan hasil, daripada cari jalan hendak tuntutan di mahkamah antarabangsa ataupun mengambil langkah-langkah yang melibatkan ketenteraan dan sebagainya. Inilah perlu diberi perhatian dan sebaik-baik jalan untuk bekerjasama dengan negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kerajaan telah memaklumkan hasil minyak di negara kita ini lebih berkualiti daripada minyak di tempat lain. Oleh sebab itu minyak kita dieksport sebab harga minyak kita lebih tinggi, untuk mendapatkan hasil dan selepas itu kita beli pula minyak daripada luar dan minyak itulah kita gunakan di negara kita. Ini adalah satu langkah yang cukup baik dan bijak sekali dan kita berharap keuntungan ini dapat dimanfaatkan oleh semua negeri khususnya dalam masa kita menghadapi keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini. Kalau kerajaan memberikan RM100 juta untuk subsidi bahan-bahan petroleum dan sudah tentu subsidi ini akan membantu rakyat yang miskin termasuklah peniaga-peniaga dan orang-orang awam yang mana kebanyakan kerja-kerja harian melibatkan minyak sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh berkenaan dengan tambahan RM300 juta untuk tabung makanan. Kita telah banyak mendengar di mana kerajaan telah mengumumkan beberapa perkara yang penting bersangkutan dengan sektor pertanian ini iaitu kita tahu import makanan lebih daripada RM10 bilion dan kerajaan sedang menggubal satu dasar pertanian yang

sekarang ini kita tidak tahu bentuk yang bagaimana, sama ada ia boleh memberi jaminan untuk memulihkan sektor pertanian, menarik perhatian dan menggalakkan petani-petani mengusahakan kawasan-kawasan pertanian, belum kita tahu lagi. Apakah dasar pertanian yang baru ini mempunyai satu perubahan yang boleh menjamin penglibatan petani-petani, hasil petani-petani dan taraf hidup petani-petani itu meningkat. Kita juga belum tahu sama ada pihak Kementerian Pertanian sudah membuat satu kajian dalam sektor ini dan apa masalah sebenarnya? Kita tahu petani-petani ini terdiri daripada orang-orang Melayu yang mengusahakan tanah-tanah pertanian ini secara tradisional dan sekarang ini walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah beberapa kali mencadangkan supaya petani-petani menguruskan tanah-tanah pertanian mereka secara estet tetapi sehingga sekarang dengan pertolongan dan bantuan agensi kerajaan masih lagi gagal dalam usaha ini. Petani-petani masih lagi tidak nampak bagaimana perkara ini dapat diuruskan. Inilah menjadi satu masalah dan kita juga tidak tahu sama ada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim tadi menjadi salah satu punca bagi orang-orang Melayu yang beragama Islam pembahagian tanah-tanah pusaka ini perlu tertakluk kepada 'faraid'. Walaupun tanah itu sedikit dan keluasannya terhad tetapi apabila berlaku pembahagian harta pusaka mereka terpaksa membahagikan mengikut 'faraid' iaitu mengikut hukum agama Islam.

Saya yakin kita tidak boleh apabila terlibat dengan 'faraid' ini maknanya hendak kena bahagi tanah yang tiga ekar, kalau ada tiga orang - yang lelaki patut dapat lebih sedikit dan perempuan kurang sedikit, terpaksa kita agihkan mengikut bahagian itu. Biarlah agihan itu hanya dalam bentuk nilai, tetapi tidak melibatkan pembahagian tanah itu yang menjadi lebih kecil lagi. Ini perlu dilihat sebab sekarang ini yang penting bagi setengah-setengah orang Melayu terutamanya dia mahu atas kertas keluasan tanah yang diberikan kepadanya dan bukannya nilai yang diambil kira. Inilah perkara-perkara yang perlu dilihat dan Kementerian

Pertanian sepatutnya mewujudkan satu jawatankuasa untuk membuat kajian terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan bidang sektor pertanian ini. Kalau tidak sudah tentu dasar pertanian yang akan dibentangkan kelak, yang akan digubal dan akan menjadi satu dasar baru tidak akan pergi ke mana-mana dan petani-petani tidak dapat memahami maksud dasar pertanian itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan kawan-kawan saya tadi dan kita dengar jumlah peruntukan yang diberi kepada tabung makanan ini sudah banyak yang mana ditambah lagi sebanyak RM300 juta. Tetapi yang ada itu pun belum habis digunakan. Apa masalah yang sebenarnya dan saya merasa bimbang jumlah yang sudah digunakan oleh pengusaha-pengusaha dalam tabung 3F ini tidak boleh juga berjaya, akhirnya gagal dan jumlah yang ditambah pula belum tahu lagi apa yang akan terjadi. Oleh sebab itu kita perlu sekali lagi sebagaimana yang saya sebutkan tadi mencari apakah masalahnya. Selain daripada karenah birokrasi yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi apabila seseorang yang buat kertas kerja dan hendak buat pinjaman, dia terpaksa mencari pihak yang membuat kertas kerja itu, selepas itu berjumpa dengan pegawai bank, kemudian berkali-kali terpaksa berjumpa dengan orang ini dan orang itu. Akhirnya pula dia kena cari cagaran dan apa yang kita tahu para petani ini kalau ada tanahpun kadang-kadang tanah tersebut tidak mempunyai geran. Kalau ada geranpun, gerannya mempunyai banyak nama di situ. Ini menyulitkan tanah ini untuk dicagar.

Jadi ini masalah-masalah yang perlu dilihat bagi pihak bank, pegawai hanya ambil sikap yang mudah sahaja. Yang penting ada jaminan, duit yang dikeluarkan mesti dibayar balik dan dari segi undang-undang besok kalau jadi apa-apa senang nak bawa ke mahkamah. Itu sikap pegawai-pegawai kita yang ada di bank. Ini menimbulkan banyak masalah dan kita tidak tahu sama ada Kementerian Pertanian ada mewujudkan satu agensi, satu badan untuk menguruskan benda-benda macam ini. Bagi pihak petani, sudah tentulah kalau kita hendak harapkan petani yang pengetahuan dalam bidang pertanian secara tradisional itu tidak mampu hendak buat kertas kerja, hendak mengurus dengan

pegawai-pegawai bank, nak cari cagaran dan sebagainya. Ini menjadi masalah yang menyebabkan mereka tidak berminat dalam bidang ini.

Satu lagi dalam bidang R&D yang disebutkan tadi, kalau kita perhatikan di negara kita bidang ini amat lemah sekali berbanding dengan negara jiran kita iaitu Thailand. Saya buka saluran TV Thailand dan saya lihat di situ pihak Kerajaan Thailand memberi keutamaan kepada penyiaran yang bersangkutan kepada pembangunan pertanian. Kalau boleh mengapa tidak institusi pengajian tinggi kita ini termasuk institusi pertanian bekerjasama dengan universiti di Thailand yang mempunyai kepakaran di dalam bidang pertanian ini untuk menghantar pegawai-pegawai kita pergi kursus. Tetapi kebanyakan yang kita tahu, kebanyakan pegawai terutama dalam sektor pertanian apabila dihantar pergi kursus balik kemari mereka tidak menggunakan ilmu yang mereka perolehi untuk diperkembangkan dan dihebahkan kepada petani. Mereka hanya hadir berkursus, habis duit, habis masa lepas itu ilmu tidak dihebahkan dan kerja tidak jadi.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua saya hendak minta laluan. Mengenai kursus di Thailand kursus dalam Bahasa Malaysia ataupun dalam Bahasa Thai, kalau dalam bahasa Thai mungkin pegawai-pegawai kita ataupun penuntut kita tidak faham bahasa Thai, minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa dalam zaman teknologi, zaman moden sekarang ini kita ada banyak bahan yang mencukupi untuk kita mendapat ilmu dan saya percaya oleh pihak Thailand pun kalau kita tidak boleh bahasa Thai dan kalau pakar-pakar di negeri Thai tidak boleh dalam Bahasa Malaysia dengan mahir sekurang-kurangnya Bahasa Inggeris pun menjadi bahasa perantaraan dan ini kita kena terima hakikat dan yang pentingnya kemahuan. Kalau kita mahu dan kita ada kerjasama, benda ini boleh dibuat dan masalah bahasa tidak menjadi masalah yang rumit bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada masalah tabung permakanan tadi, baru-baru ini kerajaan negeri Perlis misalannya telah menggalakkan petani-

petani termasuklah pemilik-pemilik tanah persendirian bercucuk tanam sendiri, membanyakkan pengeluaran sayur-sayuran dan juga buah-buahan.

Sampai ke satu peringkat, satu ketika sayur-sayur ini terlalu banyak tidak boleh dipasarkan dan terpaksa mengalami kerugian dan hasil tanaman ini pula terpaksa dibahagi begitu sahaja, tidak boleh dijual. Ini masalahnya, kadang-kadang tidak boleh diduga apa yang akan berlaku dalam sektor pertanian. Sektor pertanian ini boleh dikatakan unpredictable dengan izin. Misalnya kadang-kadang kita tanam padi apa yang akan berlaku kepada pertanian bila buah sudah masak elok, tiba-tiba banjir, benda itu berlaku jadi terpaksa mengalami kerugian.

Begitu juga petani, nelayan dan sebagainya apabila pergi ke laut, datang ombak, taufan dan sebagainya mereka terpaksa balik. Sebab itulah saya cakap tadi perlu satu dana, satu agensi, satu badan yang bertanggungjawab secara sepenuhnya dan apa-apa kerugian yang tidak disengajakan dalam sektor ini kerajaan kena ambil kira sebagai satu aset yang kita boleh buat hapuskira tapi kita kena tengok background, bagaimana benda ini boleh berlaku menyebabkan kerugian.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, macam saya sebut tadi kalau kita maju dalam sektor teknologi, dalam IT dan sebagainya, tapi manusia perlu makan. Ia perlu ada makanan, kalau tidak makan susah dia hendak hidup, dia tidak boleh cari makanan tiruan atau sebagainya. Kita tidak pernah dengar sekarang ini dia makan roti tiruan, nasi tiruan dan lain-lain. Dia kena ambil benda yang kita tanam dan ia jadi bahan makanan. Oleh sebab itu kita perlu mencari jalan supaya keluasan tanah yang kita boleh tanam padi, buah-buahan, tanam sayur-sayuran itu ditingkatkan penggunaannya semaksimum yang boleh, paling optimum, kita cari jalan dan jangan membazir tapi sekarang ini kita masih boleh mendapati tanah-tanah terbiar, tanah yang tidak diusahakan sepenuhnya, tanah-tanah tidak diusahakan berterusan, ia ada gaps, masa, misalnya satu peringkat waktu kerajaan kempen dan sebagainya ia tanam dan lepas itu habis, ia tidak boleh pasar.

Misalnya tembikai, ini pun mengikut musim dia tanam. Jagung, kita masih import, macam tembikai ini kalau tidak ada pun tidak menyebabkan kita susah. Tapi jagung selain daripada jadi bahan makanan ia juga menjadi bahan makanan binatang-binatang peliharaan, haiwan dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya tidak nampak mengapa kerajaan tidak boleh menjadikan tanaman jagung ini dijadikan komersialkan dijadikan sebagai satu tanaman berterusan yang kita boleh buat kilang memproses makanan haiwan dan sebagainya daripada jagung dan juga ini juga ia boleh buat berbagai-bagai seperti tepung jagung dan sebagainya dan susu juga kita boleh buat. Tetapi sekarang ini saya tengok kerajaan begitu kurang memberi perhatian kepada penyelidikan dan pembangunan. Saya juga tidak nampak mengapa universiti-universiti lain daripada Universiti Pertanian yang satu masa dahulu ada Universiti Pertanian selepas itu diubah ke Universiti Putra kalau pun universiti itu tidak nama universiti pertanian, tidak bolehkah di semua universiti dia ada bahagian-bahagian yang menjalankan pengajian dan penyelidikan dalam bidang pertanian dan kita perlu gunakan kemudahan-kemudahan agensi yang ada sekarang ini. Mana-mana agensi yang kita nampak berfungsi itu perlu digabungkan. Sekarang ini kita tengok RISDA, ia uruskan bersangkutan dengan tanaman getah dan pokok-pokok buah-buahan, tapi ia tidak dimanfaatkan sepenuhnya, ia hanya setakat tanam semula dan sekarang ini masuk dalam sektor peliharaan haiwan dan sedikit-sedikit. Tetapi banyak lagi sektor, bidang-bidang industri hiliran yang boleh dipelbagaikan tetapi tidak diterokai.

Begitu juga FAMA dan ada beberapa agensi lagi, BERNAS masih dalam berbagai bidang tidak setakat membeli, mengimport, memproses dan menjual beras sahaja, patutnya bidang pertanian ini diswastakan, kita gunakan agensi-agensi yang sedia ada, misalnya BERNAS ia boleh ambil negeri-negeri yang ada kawasan sawah padi, dia nilai semua. Tuan punya itu mempunyai hak mengikut keluasan tanah, syer ia sekian banyak. Jadi bila BERNAS yang buat, dia guna

jentera dan sebagainya dan gunakan pekerja-pekerja tuan milik yang ingin bekerja di situ dibayar gaji, jadi besok bila hasilnya dapat ia akan bagi balik mengikut syer keluasan tanah milik mereka. Ini boleh dibuat tapi kalau nak harap petani secara individu nak urus, nak pinjam bank, beli jentera atau melalui PPK kawasan dan sebagainya saya tidak nampak. Perkara ini akan terus jadi macam sekarang juga.

Kalau ada satu agensi dan kita buat dalam bentuk swasta insya-Allah benda ini boleh berjalan dan petani akan dapat hasil sekali gus negara akan mendapat manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan yang saya sebut tadi, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

6.19 ptg

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Belanjawan Tambahan yang dibentangkan hari ini dan mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan sungguhpun dalam keadaan kegawatan ekonomi tetapi sentiasa peka dengan keperluan rakyat jelata. RM100 juta dan RM300 juta untuk makanan merupakan satu tindakan yang berani untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat supaya kedudukan negara kita dari segi pertanian dapat kita pertingkatkan dan mengurangkan sekali gus import barangan makanan yang kita difahamkan berjumlah lebih RM10 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan terutama sekali di atas perlantikan Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin selaku Menteri Tugas-tugas Khas bagi mengendali dan mempelopori Majlis Tindakan Pembangunan Ekonomi Negara dan pembentangan PPEN iaitu Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang dibuat baru-baru ini amat jelas dan nyata menunjukkan kepekaan kerajaan bagi mengatasi

masalah kegawatan ekonomi yang sesungguhnya tidak berpunca hanya daripada dalam negara tetapi oleh unsur-unsur liberalisasi ekonomi dunia seluruhnya.

Di dalam hal ini, langkah-langkah kerajaan terutama sekali untuk menentukan sistem perbankan dapat kita perketat dan perkuatkan lagi bagi menentukan mikro kredit dan juga makro kredit dapat kita lancar dengan sekali gus memberikan manfaat bukan sahaja kepada industri kecil dan sederhana tetapi juga kepada syarikat-syarikat besar yang mempunyai bebanan-bebanan tanggungan liabiliti yang tinggi supaya mereka juga dapat dibaik pulih. Pihak kerajaan yang mengutarakan pengwujudan dana modal untuk disuntik dalam sistem perbankan yang saya difahamkan mungkin berjumlah RM3 bilion pada peringkat awalnya dan meningkat di atas keperluan dari semasa ke semasa sehingga RM16 bilion, merupakan satu pendekatan yang baik, tetapi pada masa yang sama, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan bagi meneliti dengan sedalam-dalamnya, apakah sistem perbankan kita yang ada pada hari ini sudah cukup kuat bagi mengatasi masalah kegawatan ekonomi dari segi kecairan dan liquidity di dalam sistem perbankan itu sendiri.

Kita dapati di dalam laporan-laporan tertentu bahawa wujudnya masalah-masalah tertentu di dalam bank-bank tertentu di negara kita. Saya mengambil contoh terutama sekali Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB). Kita dapati BBMB mengikut sejarah perbankannya banyak menemui masalah-masalah tertentu dan pada saat terakhir kita dengar satu ketika PETRONAS menyelamatkan BBMB dengan suntikan modal, kalau saya tidak silap, dekat RM2 bilion bagi menentukan Bank Bumiputera pada waktu itu dapat dibaik pulih, bagi mengatasi masalah-masalah dalaman yang terpaksa di atasi. Baru-baru ini kita dapati sekali lagi Bank Bumiputera Malaysia Berhad terpaksa menanggung satu kerugian yang amat besar dan ini memudaratkan kedudukannya dari segi kecairan dan modal untuk mereka menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan

oleh pihak kerajaan terutama sekali membangunkan ekonomi bumiputera di seluruh pelosok negara.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan apakah sebenarnya berlaku di dalam Bank Bumiputera Malaysia Berhad, bagaimanakah pada kali ini juga Bank Bumiputera Malaysia Berhad terpaksa dibebankan dengan begitu banyak, saya ingat dekat RM1 bilion, RM600 milion lebih tetapi banyaklah yang terpaksa ditanggung oleh Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan pada masa yang sama, kalau kita mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh bank ini adakah pihak kerajaan bercadang sebagai pemegang saham yang terbesar dan mungkin hanya pemegang saham sahaja di dalam hal ini boleh mengetahui apakah kedudukan pengurusan bank ini, dari peringkat atas hingga ke bawah. Adakah ianya terpaksa, kalau kita menstruktur sesuatu keadaan, adakah kita terpaksa juga memberi satu struktur baru dalam sistem perbankan pengurusan Bank Bumiputera ini dan kalau ianya perlu saya minta pihak kerajaan menjalankan dengan sebaik-baik mungkin supaya kredibiliti Bank Bumiputera, kredibiliti sistem perbankan, kepercayaan tidak terhakis oleh pelanggan-pelanggan dan juga sebagai pemegang saham kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat diperbaiki secara penuh ketelusan, mungkin kita dapat memberikan satu lagi kepercayaan kepada sistem perbankan seluruhnya. Begitulah juga dengan sistem bank seperti Sime Bank dan sebagainya, jadi kalau dapat pihak kerajaan menjelaskannya sebenarnya cara macam mana suntikan modal akan diberi kepada bank-bank ini supaya mereka dapat diperkuatkan untuk menjalankan tugas-tugas terutama sekali dalam masa sekarang, bagi menentukan terutama mikro kredit iaitu kecairan kewangan kepada mereka yang benar-benar memerlukan di peringkat kampung, desa dan kawasan-kawasan yang berselerak di seluruh negara kita. Kalau tidak ada aktiviti, kalau tidak ada suntikan modal, saya tidak yakin bagaimana aktiviti-aktiviti ekonomi menerusi baik modal, baik dana IKS, dana makanan, dana apa sekalipun tetapi

kalau ianya tidak dapat disalurkan melalui sistem perbankan, dibuat oleh cawangan-cawangan kepada mereka yang memerlukan, saya takut, apa yang diumumkan hanya merupakan satu rhetoric sahaja dan tidak sampai kepada rakyat jelata.

Jadi amat penting sekali MTEN atau mana-mana satu pertubuhan sekalipun, pihak kerajaan bagi mengadakan satu mekanisme pemantauan. Kita baru sahaja diberikan penerangan oleh EPU iaitu Unit Perancangan Ekonomi negara baru-baru ini. Saya dapati sistem dan mekanisme pemantauan kedudukan ekonomi sekarang ini, adakah dibuat oleh MTEN sendiri, oleh kementerian atau kementerian-kementerian yang ada? Adakah ianya dipengerusi oleh Kementerian Kewangan atau Kementerian Luar Bandar atau mana satu dan kalau sekiranya Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) ini dibuat berasaskan cadangan MTEN, saya yakin dan percaya kita perlukan MTEN mempunyai satu tenaga, satu force bagi menentukan apa sahaja yang dicadangkan itu berjalan. Satu audit, operational audit, Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan cadangan-cadangan itu bergerak di bawah. Kalau tidak, saya tidak yakin kerana kita sudah tahu Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan sendiri mengumumkan beberapa kali dana ini, dana itu, sampai RM10 bilion, tetapi pada masa yang sama, banyak bank-bank yang enggan, tak fahamkah ataupun tak mengertikah dengan dasar kerajaan, seolah-olah merupakan satu elemen sabotaj untuk menentukan negara kita ini tidak bergerak dari segi menentukan kecairan itu sampai kepada mereka yang memerlukan.

Jadi pihak kerajaan terpaksa berkeras di dalam hal ini, terpaksa mempunyai tindakan yang sewajar dan positif, lebih proaktif bagi menentukan bank-bank cawangan dan seterusnya dapat sebenarnya memberikan kecairan itu dirasai oleh mereka yang memerlukan. Maka barulah dapat kita menggerakkan ekonomi kita kerana kalau tidak bergerak seperti juga IMF. IMF, saya tengok dari segi apa yang dibuat di Indonesia, negara jiran kita, faedah yang dikenakan oleh bank-

bank di Indonesia sekarang meningkat sampai 60%. Ya, mereka memberi dari segi kecairan tahap demi tahap itupun lambat, too late, too much action and too late. Jadi benda itu sudah tidak bergerak lagi. Jadi kita mengharapkan, kita di Malaysia ini, atas arahan kita sendiri, atas dasar kerajaan kita sendiri supaya apa yang kita umumkan dapat tindakan-tindakan susulan dibuat oleh pihak bank-bank kita di negara ini.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Saya hendak tuntut faham dengan Yang Berhormat. Beberapa kali Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri-menteri, tadi saya sudah bangun masa Yang Berhormat Kamalia. Apa sebenarnya masalah yang dihadapi oleh sistem yang ada, sistem bank sehingga dasar yang diperkenalkan dari masa ke semasa tidak dapat diterjemahkan di peringkat akar umbi. Sebagai contoh, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan setuju supaya motokar di bawah RM40,000 finance boleh 85%, keesokannya dan lusa, beberapa hari selepas itu, saya didatangi oleh puluhan kawan-kawan bahawa finance company (syarikat-syarikat kewangan) masih juga tidak menerima. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah sebenarnya masalah-masalah pada pandangan Yang Berhormat dan apakah perkara-perkara yang sepatutnya dilakukan, sekurang-kurangnya boleh memberi sedikit manfaat kepada kita, moga-moga masalah ini dapat kita atasi bersama. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasihlah kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Rosli, kerana amat peka tentang keperluan rakyat jelata, tetapi malangnya, saya masih lagi belum menjadi Menteri Kewangan dan justeru kerana itu, kita hendaklah bertanya kepada pihak Menteri Kewangan, mudah-mudahan ianya akan terjawab. Mungkin hari esok, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi atas pandangan saudara saya itu, kita bersama-sama menunggu jawapan kerana ini, sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua,

perkara penting. Kita sudah umumkan banyak dasar, kita sudah umum banyak tindakan dan cadangan, tetapi on the ground, adakah ianya berpunca daripada arahan daripada Bank Negara Malaysia ataupun ianya berpunca daripada Kementerian Kewangan atau sesiapa bagi hendak menggerakkan seluruh institusi ini bekerjasama merapatkan bahu, satu saf berdepan dengan masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini. Selagi itu tidak kita capai, selagi itulah masalah-masalah confidence, credibility bukan sahaja di negara, kita menunggun pun tak sampai, orang di luar negara pun tengok, oh bukan main banyaknya dana yang dijualkan tetapi dana itu hanya merupakan dana, tidak sampai kepada peringkat bawah.

Ini menunjukkan keyakinan media asing, orang luar, juga terjejas kerana on the ground, tiada, not realise, tidak direalisasikan. Jadi inilah perkara yang sepatutnya mendapat perhatian sebulat-bulatnya daripada setiap peringkat, peringkat atasan sampai ke peringkat mereka yang menjalankan tugas, bank-bank, cawangan-cawangan bank dan sebagainya. Maka, baharulah perkara ini dapat kita bawa untuk mencerminkan kejayaan yang ditunggu-tunggu.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

